



MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN NEGARA
Senate

PARLIMEN KELAPAN
Eight Parliament

PENGGAL PERTAMA
First Session

Jilid I Bil. 10 Hari Jumaat 22hb Februari, 1991

KANDUNGAN

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN (Ruangan 1)

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang—undang Perbekalan 1991 (Ruangan 39)

MALAYSIA

DEWAN NEGARA

Jumaat, 22hb Februari, 1991

Mesyuarat dimulakan pada pukul 3.00 petang

D 0 A

(Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat)**

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

POLARISASI KAUM

1. Tuaa C. Krishnan minta Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat menyatakan apakah langkah-langkah positif diambil ataupun akan diambil oleh Kerajaan untuk meredakan suasana polarisasi kaum yang menjadi buruk berikutan dengan kempen kurang sihat parti Pembangkang dalam Pilihanraya Umum baru-baru ini.

Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat [Dato' Napsiah binti Omar]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat sentiasa berusaha untuk mengawal polarisasi kaum. Polarisasi kaum sungguhpun wujud tetapi ianya tidaklah di tahap yang membimbangkan. Untuk mencegah serta mengatasi dan mengawasi kejadian ini, rakyat digalakkan mengainal nilai-nilai perpaduan yang tinggi dengan menanam semangat persandaraan dan semangat kewarganegaraan dan menolak kepentingan perkauman yang sempit. Nilai-nilai perpaduan ini diterapkan melalui program dan aktiviti penggalakan yang dijalankan oleh jentera masyarakat seperti Rukun Tetangga. Rakyat dari

berbagai keturunan digalakkan bergaul dan berinteraksi melalui aktiviti penggalakan yang meliputi berbagai bidang seperti sukan, rekreasi, sosial, kebajikan dan sebagainya.

Antara program-program lain yang dijalankan, termasuk ceramah, dialog, seminar dan khemah kerja kejranaan.

Satu lagi langkah yang sedang dilaksanakan ialah Sistem Pengurusan Perhubungan Sosial. Sistem ini cuba mengesan corak serta pola perhubungan di antara kaum dan agama di sesuatu daerah. Apabila sesuatu isu atau konflik berlaku di sesuatu daerah dan dianggap mempunyai potensi untuk merebak dengan meluas maka pegawai Kementerian di peringkat daerah akan menolong menyelesaikan masalah sedemikian melalui kaedah intervensi krisis dan pengurusan konflik mengikut sistem ini.

Tuan Chong Chi Siong: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Terima kasih di atas jawapan Yang Berhormat Menteri tadi. Saya cuma ada dua soalan tambahan. Nombor satu, selain daripada Rukun Tetangga, apa lagi badan berkanun di dalam Kementerian untuk memupuk perpaduan di kalangan masyarakat yang berbilang kaum? Kedua, fungsi Rukun Tetangga nampaknya tidak begitu berkesan untuk memupuk perpaduan di kalangan masyarakat yang berbilang kaum. Apakah tindakan yang akan diambil untuk taemulihkan prestasinya?

Dato' Napsiah binti Omar: Tuan Yang di-Pertua, lain-lain badan yang ada di dalam Kementerian ialah seperti Jiran Muda dan Jiran Wanita di mana kita wujudkan supaya dapat juga memupuk semangat kejranaan ini di dalam masyarakat kita.

Berkenaan dengan Rukun Tetangga yang dikatakan oleh Yang Berhormat tadi, sejak tahun 1983 Skim Rukun Tetangga ini menekankan penupukan semangat kejiranan ini. Sehubung dengan ini, beberapa bidang aktiviti telah dikenalpastikan sepertimana yang saya sebutkan tadi - sosial, rekreasi, sukan dan sebagainya. Untuk mempertingkatkan lagi supaya lebih berkesan, saya juga memikirkan adalah perlu bagi kaum kita orang-orang masyarakat seperti pemiinpin-panirnpin masyarakat, seperti Ahli Yang Berhormat juga untuk bersama berganding bahu untuk menjalankan tanggungjawab kita bersama.

Tuan Haji Abdul Majid bin Haji Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin meminta penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri. Satu daripada aktiviti-aktiviti perpaduan ialah mengadakan kelas tadika perpaduan. Apakah tujuan kelas ini diadakan dan adakah setakat kelas tadika itu sahaja digalakkan untuk kanak-kanak semua bangsa itu bergaul dan selepas itu mereka pergi ke sekolah rendah dan tidak berjumpa lagi dengan rakan-rakannya itu? Apakah satu langkah untuk meneruskan usaha perpaduan ini bukan sahaja di peringkat tadika tetapi juga di peringkat yang lebih tinggi lagi?

Dato' Napsiah binti Omar: Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya sebutkan tadi, mananglah dari awal lagi daripada kalangan kanak-kanak kita adakan kelas tadika perpaduan dan diharap di sini-lah benih-benih perpaduan dapat kita semai dan snempukkan. Bila mereka keluar pula daripada sini ke sekolah-sekolan dan seterusnya ke masyarakat umum, di situlah sepertimana saya sebutkan tadi, kita sanua termasuk Ahli Yang Berhormat sendiri perlu berusaha supaya dapat kita tnerhupukkan semangat perpaduan ini di kalangan masyarakat kita.

Tuan Frankie Chong Yu Chee: Tuan Yang di-Pertua, soalan saya ada berkaitan dengan soalan asal. Adakah Kerajaan sedar bahawa pihak Kerajaan Barisan Nasional juga ada membangkitkan isu-isu agama dan juga isu-isu kaum di media-media masa terutama sekali di TV dan suratkhbar semasa Pilihanraya Umum yang lalu. Sekiranya sedar, apakah penjelasan sepatutnya yang akan diambil oleh pihak Kerajaan kepada rakyat jelata?

Dato' Napsiah binti Omar: Tuan Yang di-Pertua, di sinilah saya rasa tanggungjawab kita bersama supaya jangan lagi perkara yang berlalu sudah berlalulah, tidak usahlah ungit-ungkit lagi, kita bangkit-bangkitkan kerana ini akan menimbulkan lebih banyak lagi konflik. Tujuan, tugas dan tanggungjawab kita bersama-sama untuk mengadakan aktiviti-aktiviti yang akan memupuk lagi semangat perpaduan.

PETI CADANGAN

2. **Puan Hajah Rosnah binti Haji Mohd. Salleh** minta Perdana Menteri menyatakan berapa peratuskah syor-syor atau cadangan yang diterima dari kotak-kotak cadangan di seluruh negara tiap-tiap tahun. Berapa peratus pula syor-syor atau cadangan-cadangan ini dapat dilaksanakan. Bagaimanakah seorang itu dapat mengetahui sama ada syornya itu diterima atau tidak.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Tuan Othman bin Abdul]: Tuan Yang di-Pertua, kotak atau peti cadangan disediakan untuk, memberi peluang kepada pekerja di semua peringkat dalam organisasi dan orang awam menyampaikan aduan atau cadangan dalam apa

jua aspek yang berkaitan dengan sesebuah Jabatan/Kementerian/Pejabat. Pada masa ini semua cadangan yang diterima oleh sesebuah agensi melalui peti cadangan akan dikendalikan sendiri oleh agensi berkenaan. Tinjauan ke atas pelaksanaan program ini di beberapa agensi menunjukkan kesan yang positif. Beberapa agensi terutamanya yang menyediakan perkhidmatan kaunter telah menyediakan kemudahan awam yang disyorkan oleh orang ramai melalui peti cadangan. Ini dapat dilihat daripada pembaharuan-pembaharuan yang diperkenalkan oleh agensi-agensi berkenaan.

CAJ Pendaratan Di Lapangan Terbang

3. Tuan Mustafa bin Awang minta Menteri Pengangkutan menyatakan berapakah nilai bayaran yang dikenakan kepada pendaratan dan penerbangan kapal-kapal dari luar dan dalam negeri mengikut kategori di semua lapangan terbang seluruh negara pada masa kini.

Timbalan Menteri Pengangkutan [Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail]: Tuan Yang di-Pertua, kapalterbang yang membuat pendaratan di lapangan-lapangan terbang Malaysia dikenakan caj pendaratan mengikut kadar-kadar yang telah ditetapkan di bawah Peraturan-peraturan Caj Mendarat, Memakir dan Menempat, Perkhidmatan Penumpang dan Kemudahan Pemaliman Udara 1975. Berdasarkan Peraturan ini, kadar caj mendarat yang dikenakan mengikut berat pesawat. Oleh kerana berat bagi setiap pesawat adalah berbeza di antara satu dengan lain, caj mendarat sebenar yang dikenakan juga berbeza. Namun demikian, caj yang dikenakan atas kategori—kategori pesawat adalah secara purata seperti berikut:

Boeing 747	-	\$3,300
DCIO	-	\$2,100
Tristar 1011	-	\$1,700
Airbus	-	\$1,200
Boeing 757	-	\$1,100
Boeing 737	-	\$ 400
Fokker 27 & Fokker 50	-	\$ 127
Donier	-	\$ 31
Twin Otter	-	\$ 31

Perlu dijelaskan bahawa caj mendarat yang saya sebutkan tadi termasuk pemakiran, dengan izin, parking secara percuma bagi 3 jam pertama. Setelah 3 jam pertama sehingga 12 jam kemudian, caj pemakiran seperti berikut dikenakan:

Boeing 747	-	\$140
DCIO	-	\$100
Tristar 1011	-	\$ 90
Airbus	-	\$ 80
Boeing 757	-	\$ 80
Boeing 737	-	\$ 34
Fokker 27 & Fokker 50	-	\$ 29
Donier	-	\$ 11
Twin Otter	-	\$ 11

Bagi Syarikat Penerbangan Malaysia (MAS) potongan kadar caj sebanyak 50% diberikan bagi setiap pendaratan yang dilakukan di lapangan-lapangan terbang domestik di Malaysia.

Tuan Dahalan bin Embun: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Soalan saya ada berkaitan dengan soalan asal. Memandangkan bahawa Kerajaan bercadang membina sebuah lagi lapangan terbang untuk menggantikan Subang, apakah kriteria untuk pilihan tempat yang baru ia-itu sama ada Kerajaan pentingkan pembangunan luar bandar dan dalam

hal ini memandangkan Subang tidak lagi sesuai oleh sebab masalah kos gantirugi yang tinggi, kos pembinaan yang tinggi, pencemaran bunyi, masalah program pembesaran selepas 10 tahun dan limitations yang lain seperti tempoh pelaksanaan yang lebih panjang serta masalah-masalah sosio ekonomi yang agak rumit untuk diselesaikan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, soalan yang asal itu berkenaan nilai bayaran pendaratan. Maka soalan tambahan ini tidak berkaitan.

Tuan Dahalan bin Haji Embun: Tuan Yang di-Pertua, saya faham. Sebab itu saya sebut tadi ada kaitannya.

Tuan Yang di-Pertua: Terpulang kepada Timbalan Menteri yang berkenaan untuk menjawab atau tidak.

Datin Paduka Hajah Zaleha blnti Ismail: Tuan Yang di-Pertua, sukacita saya menyatakan segala faktor dan kriteria yang disebutkan oleh Yang Berhormat itu tadilah asas membina lapangan terbang baru ataupun mencari tempat ganti.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dr. Nordin Selat.

Tuan C. Krishnan; Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, soalan No. 4.

SEKOLAH SWASTA - PENGAWASAN

4. Tuan C. Krishnan [di bawah S.O. 23(2)] minta Menteri Pendidikan menyatakan sejauhmanakah pengawasan dilakukan terhadap sekolah-sekolah swasta di seluruh negara. Tidakkah sekolah-sekolah ini bercanggah dengan dasar pendidikan negara.

Timbalan Menteri Pendidikan [Dr. Fong Chan Onn]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak Kementerian Pendidikan sentiasa mengawalselia perjalanan dan pengendalian sekolah-sekolah dan institusi-institusi pendidikan swasta di seluruh negara. Berbagai jenis pengawasan dan kawalselia dilakukan, antaranya:

- (a) memastikan semua sekolah dan institusi swasta yang hendak ditubuhkan didaftar oleh Pendaftar Sekolah-sekolah; dan
- (b) melakukan lawatan-lawatan pemeriksaan ke sekolah-sekolah dan institusi-institusi swasta bagi menentukan syarat-syarat penubuhan dan pendaftaran dipatuhi serta untuk mengawasi mutu pendidikan yang disampaikan.

Oleh kerana Kementerian Pendidikan mengawal penubuhan dan pendattaran dan seterusnya mengawalselia sekolah-sekolah dan institusi-institusi pendidikan swasta adalah tidak timbul per-canggahan di antara pendidikan swasta dengan dasar pendidikan negara.

Tuan Mustafa bin Awang: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah pihak Kementerian Pendidikan bercadang pada masa-masa akan datang peringkat universiti, kolej dan sekolah akan diswastakan separuh daripadanya?

Dr. Fong Chan Onn: Tuan Yang di-Pertua, sungguhpun Kementerian Pendidikan sedang mengkaji beberapa aspek berkenaan pendidikan tinggi yang sesuai untuk ditanggungjawabkan oleh pihak swasta, ingin saya terangkan di sini apa yang Kementerian Pendidikan bermaksud di sini ialah beberapa aspek, fungsi pendidikan tinggi termasuk aspek-aspek penyelidikan, aspek-aspek berkaitan dengan latihan, kursus dan aspek-aspek berkaitan dengan pendidikan yang kita boleh laksanakan untuk memenuhi keperluan pihak swasta terutamanya pihak perindustrian. Semua ini dalam perhatian dan dalam kajian Kementerian Pendidikan.

Tuan Hasaan bin Harun: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu daripada Timbalan Menteri berkenaan sejauh manakah Kerajaan mengenakan kawalan kepada program-program "twinning" yang dibuat di Malaysia terutamanya peringkat Post Graduate, Masters Degree dan sebagainya yang sedang dengan hebatnya diperluaskan khidmatnya di Malaysia sekarang?

Dr. Fong Chan Onn: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pendidikan merasa bahawa oleh kerana keperluan sektor perindustrian dan sektor perkhidmatan untuk tenaga mahir khususnya tenaga dengan kemahiran dan pengalaman di bidang pengurusan adalah begitu penting, Kementerian Pendidikan menggalakkan penglibatan sektor swasta dalam bidang pendidikan. Namun demikian untuk menjamin bahawa pendidikan-pendidikan tersebut khasnya program-program "twinning", dengan izin, adalah seimbang, bernilai dan bermutu tinggi, tetapi seperti yang saya telah terangkan tadi semua program sebelum ia boleh dilaksanakan patut dan harus diberi pendaftaran oleh Kementerian Pendidikan. Dalam proses pendaftaran program tersebut Kementerian Pendidikan memastikan bahawa program tersebut adalah bermutu tinggi dan program adalah memenuhi keperluan negara dari segi kemahiran, dari segi program dari dari segi mutu dan sebagainya. Selepas Kementerian Pendidikan sudah memastikan bahawa program-program tersebut adalah bermutu tinggi dan adalah untuk memenuhi keperluan negara, kita boleh bagi pendaftaran. Selepas itu juga Kementerian Pendidikan selalu memeriksa dan mengawal supaya program-program tertentu dapat dilaksanakan dengan sepenuhnya dan mereka yang mengikuti program tersebut dapatlah pendidikan yang bermutu tinggi.

PERHUBUNGAN KERAJAAN NEGERI-PERSEKUTUAN - PERUNTUKAN KEWANGAN

5. **Tuan Dahalan bin Haji Embun** minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) apakah kaedah pentadbiran Kerajaan Pusat terhadap Kerajaan Negeri dalam pemerintah pembangkang; dan
- (b) apakah bentuk bantuan Kerajaan Pusat terhadap Kerajaan Negeri pembangkang yang mengalami kesukaran kewangan.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Tuan Othman bin Abdul]: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Sukalah ditegaskan bahawa kaedah pentadbiran Kerajaan Pusat terhadap Kerajaan-Kerajaan Negeri yang diperintah oleh parti-parti Pembangkang adalah menurut lunas-lunas yang ditetapkan oleh Perlembagaan dan undang-undang negara. Kerajaan Pusat sentiasa mengutamakan keamanan dan kesejahteraan rakyat tanpa mengira di mana mereka bermastautin. Sehubungan dengan ini, segala tindakan Kerajaan Pusat termasuk dalam hal perhubungan dengan Kerajaan-kerajaan Negeri adalah secara adil dan saksama dengan kepentingan rakyat, pembangunan dan perpaduan negara sebagai matlamat-matlamat terpenting untuk negara. Bagi memastikan projek-projek pembangunan Persekutuan

berjalan dengan lancar lagi, Kerajaan Pusat telah menubuhkan Majlis Pembangunan Persekutuan. Seterusnya Kerajaan Pusat telah mewujudkan Jabatan Pembangunan Persekutuan yang akan berfungsi untuk merancang dan melaksanakan projek-projek pembangunan Persekutuan di negeri-negeri berkenaan.

- (b) Kerajaan Pusat akan terus menyalurkan peruntukan kewangan kepada Kerajaan-kerajaan Negeri yang diperintah oleh parti Pembangkang sepertimana yang diperuntukkan dalam Perlembagaan dan undang-undang, iaitu seperti pemberian mengikut bilangan penduduk (capitation grant), pemberian penyelenggaraan jalan-jalan negeri, pemberian khas (kepada Negeri Sabah) di bawah Perkara 112C(i)(a) Perlembagaan, pemberian berdasarkan tahap pembangunan ekonomi dan kesejahteraan hidup, caruman bantu kadar mengenai harta (di bawah Perkara 156), pemberian pertambahan hasil, pemberian tahunan kepada penguasa-penguasa tempatan, dan sebagainya.

Sumbangan Kerajaan Pusat untuk tujuan-tujuan lain akan dipertimbangkan menurut keperluan dan justifikasi.

Ingin dijelaskan juga bahawa Kerajaan Pusat akan tetap meneruskan pemberian bantuan-bantuan khas seperti bantuan buku kepada murid-murid sekolah, bantuan kepada orang-orang miskin dan sebagainya.

Puan Ainon binti Ariffin: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa kagum dan rasa syukur dengan jawapan Setiausaha Parlimen yang menunjukkan betapa adilnya Kerajaan Barisan Nasional. Saya ulang sekali lagi, betapa adilnya Kerajaan kita walaupun kita mengadakan Jabatan Pembangunan tetapi kita tetap memberikan peruntukan-peruntukan yang menjadi hak kepada negeri-negeri walaupun banyak perkara telah diselewengkan termasuk sebahagian daripadanya menindas rakyat.

Soalan tambahan saya, kalau sudah begitulah keadaannya apa perlunya diwujudkan Jabatan Pembangunan ini dan peruntukan dari manakah yang akan dialirkan ke Jawatankuasa Khas ataupun ke Jabatan khas ini.

Tuan Othman bin Abdul: Tuan Yang di-Pertua, Majlis Pembangunan Persekutuan dan juga Jabatan Pembangunan Persekutuan ini telah saya jelaskan tadi ialah bagi merancang dan melaksanakan program-program pembangunan di negeri-negeri yang diperintah oleh parti-parti Pembangkang. Sudah pastilah kewangannya itu datangnya daripada Kerajaan Pusat yang mana projek-projek itu akan ditimbangkan oleh Kerajaan Pusat dan disalurkan melalui Majlis Pembangunan Persekutuan dan Jabatan Pembangunan Persekutuan ini.

Tuan Hassan bin Harun: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya ialah saya ingin tahu daripada Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, sejauh manakah Kerajaan Persekutuan sanggup menimba semula bantuan-bantuan atau rancangan-rancangan yang disebutkan tadi sekiranya ada di antara Kerajaan-kerajaan di bawah parti pemerintah ini menunjukkan sikap anti-Kerajaan Persekutuan.

Tuan Othman bin Abdul: Tuan Yang di-Pertua, saya telah menjelaskan tadi bahawa Kerajaan Persekutuan adalah mementingkan soal kesejahteraan rakyat, ketenteraman dan juga kehidupan yang selesa bagi rakyat. Jadi dengan itu jika sekiranya Kerajaan memikirkan pemberian peruntukan itu untuk kepentingan rakyat yang perlu dibela, maka Kerajaan akan terus memberi bantuan mengikut keputusan yang akan dibuat oleh pihak Kerajaan Pusat memandangkan bahawa sudah pastilah tidak keseluruhannya rakyat di sebuah negeri yang dipimpin oleh Pembangkang itu kesemuanya atau 100% menyokong Pembangkang. Jadi kita tidak boleh mengambil tindakan bagi memberhentikan keseluruhan bantuan pembangunan bagi negeri-negeri berkenaan. Pertimbangan akan diberikan oleh Kerajaan Pusat.

KAMPUNG BARU DI BANDAR DAN LUAR BANDAR

6. Puan Law Jack Yoon minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan:-

- (a) bilangan kampung di (i) kawasan bandar;
(ii) kawasan luar bandar;
- (b) kadar pertumbuhan penduduk di kampung-kampung itu dalam sepuluh tahun yang lalu; dan
- (c) usaha-usaha Kerajaan untuk membaiki sistem pengaliran, bekalan air dan elektrik, jalan raya yang kurang dan sempit dan juga kawasan rumah yang terkongkong di kampung-kampung itu.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Dr. Ting Chew Peh]:

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Bilangan kampung baru yang terletak di kawasan bandar ataupun di bawah pentadbiran Pihakberkuasa Tempatan adalah sebanyak 419 buah, manakala jumlah bilangan kampung yang terletak di kawasan luar bandar ataupun di luar pentadbiran Pihakberkuasa Tempatan adalah sebanyak 33 buah.
- (b) Berkaitan kadar pertumbuhan penduduk, banci penduduk kampung-kampung baru yang dimaksudkan tidak dijalankan pada tiap-tiap tahun. Walau bagaimanapun, kadar pertumbuhan penduduk di kampung-kampung itu yang meliputi tempoh tahun 1970 - 1985 secara puratanya ialah sebanyak 4.2% setahun.
- (c) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, salah satu daripada matlamat program kemajuan perkampungan adalah untuk menyediakan serta memperbaiki kemudahan asas dan infrastruktur di kampung-kampung itu. Ke arah mencapai matlamat ini, Kerajaan di peringkat Pusat dan peringkat Negeri serta agensi-agensi Kerajaan Tempatan telah menyalurkan peruntukan kewangan setiap tahun untuk melaksanakan projek-projek intrastruktur dan kemudahan asas yang diperlukan oleh penduduk-penduduk kampung-kampung itu. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebahagian besar daripada peruntukan pembangunan tahunan di bawah Program Kemajuan Perkampungan iaitu lebih kurang 80% adalah diagihkan bagi maksud ini.

BAHASA INGGERIS BAGI PELAJAR LUAR BANDAR - PENCAPAIAN

7. **Puan Hajah Habidah binti Jusoh** minta Menteri Pendidikan menyatakan bagi meningkatkan pencapaian pelajar-pelajar luar bandar dalam Bahasa Inggeris adakah Kerajaan telah menyediakan secukup-cukupnya guru Bahasa tersebut untuk berkhidmat di kampung-kampung pedalaman.

Dr. Fong Chan Om: Tuan Yang di-Pertua, jumlah guru yang terlatih khusus dalam pengajaran Bahasa Inggeris memang belum mencukupi bagi keperluan seluruh negara. Memandangkan hakikat inilah maka Kementerian Pendidikan meneruskan usaha untuk menambah bilangan-guru tersebut. Di samping menambah bilangan pengambilan penuntut di bidang Latihan Perguruan Asas pengajaran Bahasa Inggeris dan Kursus Perguruan Lepas Ijazah (KPLI) di maktab-maktab perguruan, Kementerian Pendidikan juga menyediakan peluang untuk guru terlatih mengikuti Kursus Dalam Perkhidmatan iaitu di bawah program Kursus Diploma Keguruan TESL dan Kursus Sijil Perguruan Khas TESL di maktab-maktab tersebut.

Selain daripada itu, program Pengajaran Bahasa Inggeris sebagai Bahasa Kedua (Teaching of English as a Second Language (TESL) juga dijalankan di ITM, UKM, UPM dan UM bagi melatih bakal-bakal guru yang ditaja oleh Kementerian ini.

Penghantaran penuntut-penuntut TESL ke luar negeri juga masih berterusan, dan sebahagian daripada mereka telahpun kembali untuk

bertugas di sekolah-sekolah di mana dasar penempatannya mengutamakan sekolah-sekolah Luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Puan Hajah Asmah binti Haji Ismail.

Puan Hajah Asmah binti Eaji Ismail: Tuan Yang di-Pertua, sebelum soalan saya ingin meminda satu perkataan iaitu "Perbadanan" kepada "Bahagian". Tuan Yang di-Pertua, soalan No.8.

FELDA - SISTEM HAKMILIK KUMPULAN

8. Puan Hajah Asmah binti Haji Ismail minta Menteri Pembangunan Luar Bandar menyatakan bolehkah Kementerian ini memperbanyakkan peruntukan kepada 'sistem saham' daripada sistem Bahagian Urus Ladang (BUL) di rancangan-rancangan tanah FELDA di seluruh Malaysia,

Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar [Tuan Mohd. Yasin bin Kamari]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan telah memutuskan bahawa semua rancangan-rancangan tanah FELDA yang telah ditempatkan peneroka akan diurustadbirkan secara Sistem Hakmilik Individu dan sistem-sistem yang dipraktiskan sebelum ini seperti Sistem Hakmilik Kumpulan dan Sistem Saham dimansuhkan. Tarikh kuatkuasa pelaksanaan ini adalah mulai Oktober 1988.

Walau bagaimanapun, bagi rancangan-rancangan tanah FELDA yang masih belun ditempatkan peneroka, Kerajaan telah memutuskan bahawa mulai dari Januari 1990, tanah-tanah rancangan FELDA ini akan diurustadbirkan secara Sistem Ladang Syarikat yang dikenali sebagai kaedah "Pengurusan Baru Rancangan FELDA".

Di bawah kaedah **ini**, peserta-peserta akan diambil sebagai pekerja dan tidak lagi sebagai peneroka. Walau bagaimanapun, pekerja-pekerja akan diberi kesempatan memiliki saham dalam syarikat sehingga ke tahap 50% tolak 1 saham.

PENGEMIS ASING

9. Puan Hajah Rosnah binti Haji Mohd. Salleh minta Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat menyatakan kenapakah masih terdapat pendatang tanpa izin ingin merayau-rayau di bandar-bandar sambil meminta sedekah terutama wanita-wanita yang mendukung bayi-bayi yang masih kecil dan kanak-kanak. Tidakkah mereka diberi apa-apa nasihat atau garis panduan semasa mereka berada di sini, kerana perbuatan meminta sedekah ini mencemarkan keadaan di negara kita.

Dato' Napsiah binti Omar: Tuan Yang di-Pertua, kegiatan pengemis asing masih berlaku oleh kerana rakyat Malaysia sangat ber-murah hati serta tidak keberatan untuk memberi sedekah dan amalan ini menggalakkan lagi untuk mereka berbuat demikian.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jabatan-Jabatan Kebajikan Masyarakat sentiasa membuat serbuan dan apabila pengemis-pengemis asing ini ditangkap mereka akan diserahkan kepada Jabatan Imigresen untuk dihantar kembali ke negara asal mereka.

Tuan Haji Abdul Majid bin Haji Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Menteri, dari negara manakah kebanyakan pengemis luar negeri itu datang ke negara kita ini?

Dato' Napsiah binti Omar: Tuan Yang di-Pertua, payah saya hendak menjawabnya kerana tidak ada surat-surat yang mengatakan daripada negara mana mereka ini datang. Selalunya mereka mengatakan mereka ini datang daripada negeri Thai. Tetapi apabila kami hantar di sana tidak ada surat-surat perakuan. Jadi, mereka ini tidak diterima pula oleh pihak berkuasa di sebelah sana.

Puan Hajjah Rosnah binti Haji Mohd. Salleh: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Didapati bahawa pengemis-pengemis ini mempunyai surat-surat tauliah daripada Jabatan Agama dan sebagainya. Jadi, siapakah sebenarnya yang mengeluarkan surat tauliah itu?

Dato' Napsiah binti Omar: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya saya pun tidak tahu surat-surat tauliah ini, rasa saya adalah surat-surat yang palsu.

JANGKA HAYAT - KESAN KEMUDAHAN PERUBATAN

10. **Tuan David Yeoh Eng Hock** minca Menteri Kesihatan menyatakan:

- (a) sama ada umur hidup purata rakyat Malaysia telah bertambah berikutan dari usaha Kerajaan untuk mempertingkatkan kemudahan-kemudahan perubatan dan jenis perombakan utama yang akan dilakukan ke atas sistem kemudahan perubatan kita dalam tempoh 5 tahun yang akan datang; dan
- (b) sama ada Kerajaan bercadang untuk menggalakkan rakyat Malaysia makan makanan yang mengandungi kalori rendah setiap hari demi memperlanjatkan umur hidup berikutan dari cadangan saintis luar negeri bahawa makanan sedemikian boleh memanjangkan umur hidup. Apakah pandangan perubatan Kementerian terhadap cadangan ini.

Timbalan Menteri Kesihatan [Tuan Mohamed Farid bin Ariffin:

Tuan Yang di-Pertua, jawapan bagi soalan:

- (a) Pihak Kerajaan sentiasa mengambil berat tentang kesihatan

rakyat. Dari segi taraf kesihatan, jangka hayat bagi Malaysia telah bertambah dari tahun ke tahun. Sebagai contoh, dalam tahun 1957 jangka hayat bagi wanita ialah 58.2 tahun dan lelaki 55.8 tahun. Sementara dalam tahun 1970 ianya ialah 65.6 tahun bagi wanita dan 61.6 tahun bagi lelaki. Dalam tahun 1988, jangka hayat ini bertambah baik lagi menjadi 73 tahun bagi wanita dan 68.6 tahun bagi lelaki. Nampaknya kaum wanita mempunyai jangka hayat yang lebih panjang daripada lelaki. Peningkatan jangka hayat ini adalah disebabkan program sosio-ekonomi Kerajaan yang berjaya, teristimewanya perkhidmatan kesihatan.

Dalam 5 tahun akan datang, Kementerian Kesihatan akan memperbanyakkan lagi kemudahan-kemudahan kesihatan di semua peringkat serta mempertingkatkan lagi mutu perkhidmatannya. Di samping itu, Kementerian Kesihatan akan meningkatkan aktiviti-aktiviti pencegahan dan promosi kesihatan, misalnya kempen Penggalakan Cara Hidup Yang Sihat yang bertujuan untuk mendidik masyarakat menjaga kesihatan mereka dari penyakit-penyakit jantung, kencing manis, barah, penyakit kelamin atau STD (sexually transmitted disease termasuk AIDS, keracunan makanan dan penyakit kanak-kanak.

- (b) Adalah tidak wajar bagi Kerajaan untuk menggalakkan semua rakyat Malaysia makan makanan yang mengandungi kalori yang rendah. Ini adalah kerana keperluan kalori seseorang

bergantung kepada beberapa faktor, termasuk umurnya, jantina, jenis pekerjaan, berat badan, cari hidup dan perbezaan biologik individu. Dengan itu, beberapa golongan rakyat, khasnya mereka yang menjalankan aktiviti harian yang berat memang memerlukan kalori yang secukupnya. Anggapan bahawa makanan yang mengandungi kalori rendah boleh memanjangkan umur hidup hanyalah betul bagi golongan masyarakat yang mempunyai masalah obesiti, dengan izin, penyakit gemuk, (berat badan yang berlebihan). Ini adalah kerana masalah obesiti diketahui ada berkaitan rapat dengan beberapa penyakit seperti penyakit darah tinggi dan diabetes' (kencing manis). Cadangan saintis luar negeri seperti yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat, mungkin sekali benar bagi golongan masyarakat yang mempunyai masalah obesiti. Dalam konteks kumpulan masyarakat ini, cadangan itu adalah cepat sekali. Sebenarnya, Kementerian Kesihatan Malaysia juga mengadakan program-program untuk menasihatkan golongan masyarakat yang tertentu ini supaya mengurangkan pengambilan kalori demi mengawal berat badan mereka. Akan tetapi nasihat seperti itu tidak wajar diberikan secara menyeluruh kepada semua lapisan masyarakat.

Tuan Mustafa bin Awang: Soalan tambahan, Tuan yang di-Pertua. Saya minta penjelasan daripada Timbalan Menteri Kesihatan yang berkenaan. Perbezaan lanjut umur antara lelaki dan perempuan di negara Malaysia ini apakah kerana wanita pada setiap bulan dia ada pembuangan ataupun cara pusingan haid ataupun ia melahirkan anak

yang menyebabkan perbezaan umur yang banyak antara lelaki dan perempuan? **[Ketawa]**

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak tahu adakah perhubungan atau correlation di antara haid wanita dengan panjang umurnya, tetapi jika sekiranya Yang Berhormat ada bukti, kita boleh buat siasatan selanjutnya. **[Ketawa]** Tetapi pada umumnya bolehlah kita anggap bahawa daripada data-data yang ada yang menunjukkan secara konsisten bahawa hayat umur lelaki adalah lebih rendah daripada hayat umur perempuan. Mungkin ini boleh disebabkan oleh kerana kaum lelaki banyak stress agaknya dan banyak risau dan banyak lain-lain lagi.

Tuan David Yeoh Eng Hock: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri Kesihatan menyatakan jenis-jenis kawalan yang dijalankan ke atas kebersihan makanan, dengan izin, health food dan menjamin boleh menambahkan umur hidup yang boleh diperolehi di pasaran.

Soalan yang kedua, apakah jenis-jenis program kesihatan yang boleh dinikmati oleh golongan pendapatan rendah supaya mereka juga boleh menikmati jangka hayat yang lebih baik dan kadar kematian di kalangan kanak-kanak juga dapat dikurangkan.

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin: Tuan Yang di-Pertua, saya meminta maaf kerana jika sekiranya saya bercakap berkenaan program-program dan jenis-jenis kawalan, mungkin akan mengambil masa yang panjang. Sebab program ini terlalu banyak. Tetapi kalau sekiranya perlu, saya boleh memberi secara bertulis kepada Yang Berhormat. Tetapi ingin saya tegaskan di sini, program-program untuk kesihatan

adalah untuk semua lapisan rakyat dan kita ada mempunyai program-program khusus untuk orang-orang yang berpendapatan rendah. Satu daripadanya ialah yang dinamakan Program KZM (Khasiat Zat Makanan).

KAWASAN PERUMAHAN - KEINDAHAN DAN KEBERSIHAN

11. **Tuan Haji Dol bin Dolah** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan apakah tindakan yang akan diambil di seluruh bandar-bandar di negara ini supaya dapat membersihkan dan mengindahkan kawasan di sekitar kawasan perumahan dan bandar-bandar di bawah kuasa Kerajaan Tempatan itu.

Dr. Ting Chew Peh: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan sedang melaksanakan satu program yang menyeluruh, berintegrasi dan berkesinambungan bagi menjamin kebersihan dan mutu alam sekitar yang baik dan berkekalan. Program ini dikenali sebagai Program Bersih dan Indah.

Pada peringkat pertama perlaksanaannya yang bermula pada tahun 1990, program ini ianya tertumpu kepada 21 buah Pihakberkuasa Tempatan. Peringkat kedua program ini yang dijangka bermula pada tahun 1992 akan melibatkan semua Pihakberkuasa Tempatan di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak iaitu sebanyak 142 buah Pihakberkuasa Tempatan lagi.

Sebanyak 15 aktiviti telah dikenalpasti untuk dilaksanakan di bawah program ini. Aktiviti berkenaan adalah:

Kebersihan tandas awam.

Kebersihan pengendalian makanan.

Kebersihan pantai dan tempat pelancongan.

Kebersihan longkang dan parit.

Mengangkut kenderaan terbuang, besi buruk dan bangkai bot.

Kebersihan kampung tradisi.

Kebersihan dan pengindahan kampung baru.

Kebersihan dan pengindahan taman-taman perumahan.

Kebersihan dan pengindahan kawasan perusahaan kecil.

Kebersihan dan pengindahan sekolah.

Pembersihan dan pemungutan sampah.

Kebersihan dan pengindahan kawasan setinggan.

Sistem sanitasi yang lebih baik.

Kesedaran kebersihan.

Pengindahan bandar.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dengan kerjasama Kementerian Penerangan, Jabatan dan Agensi Kerajaan serta pihak swasta telah mengadakan program publisiti dan kesedaran untuk memberitahu orang ramai tentang pentingnya kebersihan dan keindahan dalam kehidupan seharian.

Program publisiti ini dibuat melalui televisyen, radio, papan-tanda, gotong-royong, ceramah, pameran dan lain-lain lagi.

Perlu ditegaskan di sini bahawa tanpa penglibatan dan kerjasama orang ramai, program kebersihan dan keindahan yang dilancarkan tidak akan berjaya. Oleh itu, penglibatan dan kerjasama daripada Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian adalah dialu-alukan bagi menjayakan lagi program ini.

Tuan C. Krishnan: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan, Saya difahamkan kebersihan dan kutipan sampah di Pekan Sungai Pilih telahpun diswastakan oleh Majlis Daerah Sepang. Adakah cadangan dalam Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan supaya semua Majlis-majlis Daerah atau Majlis-majlis Perbandaran akan diswastakan kemudian?

Dr. Ting Chew Peh: Tuan Yang di-Pertua, memang menjadi dasar jangka panjang Kerajaan untuk menswastakan setengah-setengah aktiviti di bawah pihak berkuasa tempatan.

KANSER - PENCEGAHAN DAN KAWALAN

12. **Tuan Foo Boon Liang** minta menteri Kesihatan menyatakan adakah Kementerianya menyimpan satu dattar yang lengkap mengenai kes-kes kanser tertentu mengikut jantina, umur, keturunan bagi sesuatu tempoh di mana data-data ini boleh menolong pihak berkenaan membuat rancangan untuk melaksanakan program kesedaran dan didikan pelbagai peringkat itu.

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kesihatan telahpun menubuhkan satu Daftar Kanser Kebangsaan pada tahun 1987. Sebagai contoh, saya ada di sini "A Guideline Manual-National Cancer Register, Malaysia" yang telahpun dibuka dalam tahun yang saya sebutkan tadi.

Daftar Kanser ini ditubuhkan bertujuan untuk mendapatkan maklumat-maklumat terperinci berkenaan dengan kanser di negara ini. Maklumat-maklumat tersebut termasuklah maklumat-maklumat berkenaan dengan kematian, kadar insiden serta - prevalennya, pola kejadian, penyebaran geografinya, ataupun geographical distribution, dengan izin, serta kadar survivalnya.

Maklumat-maklumat tersebut dapat membantu di dalam perancangan serta penilaian program-program pencegahan dan kawalan kanser. Ia juga dapat digunakan sebagai data asas bagi kajian-kajian mendalam dan seterusnya serta membantu di dalam pendidikan kesihatan berkenaan dengan kanser di kalangan kakitangan perubatan dan orang awam.

Tuan Haji Abdul Majid bin Haji Abdullah: Tuan Yaag di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin mendapat penjelasan dari Yang Berhormat Timbalan Menteri, adakah usaha dibuat oleh Kementerian Kesihatan bagi memberi peluang kepada rakyat negara ini bagi satu masa yang ditentukan untuk memeriksa diri mereka sama ada mereka terlibat ataupun sedang menghidap kanser. Kemudian, apakah ada risalah-risalah ataupun penerangan-penerangan yang lebih meluas kepada rakyat negara ini mengenai cara mana untuk mengelak daripada terkena penyakit kanser ini.

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin: Tuan Yang di-Pertua, program-program untuk membenarkan orang ramai memeriksa diri mereka untuk menentukan lama ada mereka mempunyai penyakit tersebut selalu sahaja diadakan. Jika sekiranya tuan-tuan dan puan-puan ingin memeriksa, terus sahaja pergi ke hospital ataupun mana-mana tempat yang berkenaan untuk mendapatkan diri tuan-tuan dan puan-puan diperiksa. Tetapi mungkin Yang Berhormat telahpun mendengar pengumuman mengatakannya pada pertengahan tahun ini bahawa kita akan melancarkan satu program yang saya sebutkan tadi yang bernama 'Healthy Life Style' termasuk kanser dan saya jawab sekali gus risalah-risalah ini terdapat di semua pusat-pusat kesihatan dan juga hospital dan akhirnya ini kita telah membuat kempen mengenai dengan kanser buah dada dan cervix.

KILANG DAN PEKERJA KILANG

13. **Tuan P.** Balam minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan:-

- (a) berapa banyakkah kilang-kilang yang didaftarkan di negara kita;
- (b) berapa ramaikah pekerja yang bekerja dalam kilang-kilang tersebut.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Dato' Dr. K.S. Nijhar]: Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan kepada angka-angka yang disediakan oleh Jabatan Perangkaan, terdapat sebanyak 26,854 kilang-kilang pembuatan yang telah didaftarkan dengan Pendaftar. Syarikat dan Pendaftar Perniagaan yang sedang beroperasi setakat Disember 1988. Projek-projek pembuatan ini dianggar sedang menggaji seramai 827,553 pekerja.

Sebagai penjelasan lanjut, daripada bilangan kilang-kilang yang didaftarkan dan sedang beroperasi, ada yang telah dilesenkan di bawah Akta Penyelarasan Perindustrian 1975 kerana syarikat-syarikat ini berada di atas tahap pengecualian pelesenan sama ada dari segi dana pemegang saham atau bilangan pekerja. Tetapi kilang-kilang yang di bawah tahap pelesenan tidak perlu dilesenkan oleh Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri.

Bagi projek-projek yang telah dilesenkan di bawah Akta tersebut, dari tahun 1980 sehingga kini, sebanyak 6,597 projek telah diluluskan lesen perkilangan oleh Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri yang melibatkan peluang-peluang pekerjaan sebanyak 883,346. Berasaskan bancian yang telah dijalankan oleh MIDA, setakat Disember 1989, sebanyak 3,521 projek yang sedang beroperasi dan menggaji seramai \$39,301 pekerja.

LESEN BAS KILANG

14. **Tuan P. Balaram** minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan:-

- (a) berapa banyakkah permit bas-bas kilang dikeluarkan untuk mengangkut pekerja-pekerja itu; dan
- (b) adakah permit-permit yang dikeluarkan itu mencukupi untuk mengangkut bilangan pekerja-pekerja yang bertambah ramai dan apakah langkah seterusnya Kementerian mengenai hal ini.

Timbalan Menteri Perusahaan Awam [Dato' Dr Siti Zaharah binti Haji Sulaiman]: Tuan Yang di-Pertua, untuk soalan (a), sehingga akhir Disember 1990 Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan telah mengeluarkan sebanyak 3,659 lesen bas kilang di seluruh negara bagi mengangkut pekerja-pekerja kilang.

Untuk soalan (b), pihak Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan sentiasa peka kepada perkembangan semasa dan sentiasa menimbang untuk meluluskan lesen bas kilang kepada pemohon-pemohon yang layak jika ada keperluan.

Tuan Ng Peng Hay: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri Perusahaan Awam. Apakah syarat dan kategori sesebuah kilang yang memerlukan bas kilang untuk mengangkut pekerja-pekerja itu boleh memohon untuk mendapatkan permit?

Dato' Dr Siti Zaharah binti Haji Sulaiman: Tuan Yang di-Pertua, syarat-syarat bagi memohon lesen bas kilang adalah seperti berikut:

- (i) lesen bas kilang itu boleh dikeluarkan kepada orang perseorangan, perkongsian atau koperasi, persatuan atau syarikat berhad, ataupun syarikat sendirian berhad;

- (ii) bagi permohonan daripada syarikat berhad dan sendirian berhad perlu berdattar sekurang-kurangnya tiga bulan dan hendaklah mengemukakan Memorandum and Articles of Association serta borang maklumat berhubung dengan ekuiti dan borang berhubung dengan partnership;
- (iii) mengemukakan senarai pekerja-pekerja kilang terbaru dan disahkan oleh pengurus kilang berkaitan; dan
- (iv) mengemukakan salinan surat kontrak ataupun surat tawaran daripada pihak pengurusan kilang dan juga mengemukakan bukti modal yang mencukupi seperti akuan surat penyata bank dan sebagainya untuk menyempurnakan permohonan itu.

Tuan C. Krishnan: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu apabila seseorang membuat permohonan untuk lesen bas kilang, bilakah jangkamasa pemohon itu boleh mendapat tahu daripada masa permohonan itu dan bagaimanakah cara proses untuk memberitahu pemohon sama ada permohonannya ditolak ataupun diluluskan?

Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman: Mengikut amalan yang biasa dilakukan adalah dalam masa antara tiga hingga enam bulan. Bagi kes yang agak jelas, iaitu didapati bahawa keperluan-keperluan itu tidak perlu kerana sudahpun ada syarikat ataupun pengusahaan yang sedia ada, maka tempoh masanya kurang daripada tiga bulan. Tetapi bagi kes yang memerlukan maklumat tambahan ataupun kajian untuk membolehkan keputusan itu menentukan sama ada pemohon itu boleh dapat, masa itu tidak menentu, tetapi dalam jangkamasa

empat bulan. Tetapi dalam kes permohonan lesen ini, ingin saya maklumkan di sini bahawa mengikut sistem baru, untuk membolehkan pihak Lembaga memberi tumpuan kepada soal-soal perancangan dan urusan pembangunan dengan bekerjasama secara menyeluruh untuk mendapatkan maklumat balas dari seluruh negeri mengikut zon-zon tentang kedudukan lesen-lesen di seluruh negara, proses permohonan itu telah diselaraskan secara masa yang berjadual (scheduled) iaitu di peringkat jangkamasa awal tahun daripada Januari hingga April adalah di peringkat proses menyelaraskan semua permohonan-permohonan melalui proses memberi pertimbangan, di peringkat Mei sehingga Julai adalah dibuka kepada permohonan baru dan di peringkat September hingga Oktober akan diselaraskan pertimbangan kepada permohonan itu dan seterusnya di bulan Oktober akan dibuka semula untuk diuruskan permohonan-permohonan baru.

Jadi, ini adalah dengan tujuan untuk menyelaraskan dan juga untuk mengelakkan daripada kelambatan yang berlaku berasaskan kepada peningkatan jumlah permohonan yang berlaku di seluruh negara dan juga untuk memberi gambaran kepada pemohon-pemohon asas penolakan kepada permohonan-permohonan itu.

Tuaa Ng Peng Hay: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Kementerian Perusahaan Awam berhasrat untuk menggalakkan pihak pengurusan kilang mengadakan permit bas kilang sendiri untuk mengangkut pekerja-pekerja kerana di setengah-setengah tempat, kami dapati aduan daripada operacor-operator bas-bas kilang telah menjalankan ugutan meningkatkan bayaran sehingga sesuatu kilang itu tidak dapat mengadakan perkhidmatan bas kilang.

Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman: Tuan Yang di-Pertua, pada asasnya Kementerian menggalakkan mana-mana pihak untuk menjalankan usaha pengangkutan ini tetapi untuk mengagihkan peluang dari segi penglibatan dalam urusniaga adalah digalakkan supaya lain daripada pengusaha kilang itu memohon lesen-lesen, dengan syarat mereka mendapat seperti yang saya katakan tadi dalam salah satu daripada syarat-syaratnya, surat akuan kontrak dan mengemukakan syarat-syarat yang lain.

Tuan Haji Abdul Majid bin Haji Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sepertimana yang telah dimaklumkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri, bagi syarikat yang besar-besar saya rasa yang mempunyai modal bolehlah mereka mengusahakan dengan bas-bas

yang besar yang muatannya 44 orang. Begitu juga dengan orang perseorangan yang mempunyai modal. Tetapi bagi setengah-setengah pengusaha yang modalnya kecil dan mengusahakan dengan secara van dan muatannya di antara 8 ke 12 orang termasuk pemandu, adakah Kementerian bercadang untuk melesenkan kenderaan-kenderaan serupa ini dan kalau ada bagaimanakah caranya untuk memudahkan mereka yang berkenaan ini bagi mendapatkan lesen untuk mengusahakan dalam bentuk bas kilang.

Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian tidak menyekat mana-mana petnohon berasaskan kepada keperluan termasuk pemohon-pemohon kecil yang mempunyai modal yang kecil iaitu kalau yang menggunakan van-van juga boleh digunakan dengan syarat mendapat permit dan pada badan van kilang itu boleh dicetak perkataan 'bas kilang', walaupun di atas van.

DASAR PEMBERIAN SUBSIDI BAJA

15. **Tuan Hassan bin Harun** minta Menteri Pertanian menyatakan dasar pemberian subsidi seperti baja kepada kaum tani di Kelantan.

Menteri Pertanian [Datuk Seri Sanusi bin Junid]: Tuan Yang di-Pertua, tidak ada perbezaan dasar mengenai pemberian subsidi baja bagi negeri Kelantan ataupun mana-mana jua negeri di dalam negara ini. Jika ada perbezaan ialah perbezaan sikap Kerajaan Negeri Kelantan itu sendiri. Apabila mereka menang di dalam pilihanraya yang lalu, antara tugas mereka yang pertama ialah memecat Penghulu-penghulu dari mempunyai kuasa untuk mengedarkan baja. Mereka

lupa bahawa baja-baja ini adalah baja Kerajaan Pusat dan jika mereka ingin memecat Penghulu-penghulu, mereka perlu terlebih dahulu berunding dengan Kerajaan Pusat kerana baja itu baja Kerajaan Pusat dan bukan baja mereka. Oleh kerana di dalam pilihanraya yang lalu, mereka telah menjanjikan akan meneruskan pemberian baja, maka perlulah ada sedikit persiapan baru apabila nanti kita mengedarkan baja kita.

Maka Kementerian telah memutuskan untuk mengadakan perkataan 'Baja Subsidi Kerajaan Persekutuan' pada guni baja dan menukarkan cap baja itu daripada cap dahulu kepada 'cap dacing'. Memberi cap dacing bukan bermakna baja itu baja Barisan Nasional sebagaimana juga ubat nyamuk cap ayam bukan bererti ubat itu ayam punya. Ia sekadar untuk membezakan antara baja yang diedarkan dari Kerajaan Pusat sebagai perbezaan kepada apa yang dijanjikan oleh Kerajaan PAS di dalam pilihanraya, Sejak itu kita telah meminta Kerajaan PAS untuk berunding dengan wakil Kerajaan Pusat iaitu Yang Berhormat Senator Tuan Haji Haji Annuar bin Musa dalam urusan untuk membantu masyarakat tani. Tetapi kerana kesombongan mereka, mereka telah memilih jalan lain yang merugikan mereka dan merugikan pak tani, Mereka telah membiayakan wang yang boleh mereka biaya untuk menggunakan wang, yang boleh mereka gunakan untuk tujuan lain, untuk membekalkan baja sendiri dan mereka telah mengazabkan masyarakat tani dengan mengenakan bayaran \$3 bagi tiap-tiap satu kampit. Keadaan sekarang sudah berubah daripada Kerajaan Pusat menjadi pembekal baja Kerajaan Negeri Kelantan membekal baja dengan harga \$3 sekampit.

Kerajaan Pusat pula sekarang ini memainkan peranan sebagai pengawas supaya baja-baja ini diedar dengan adil. Sekiranya Kerajaan PAS di Kelantan tidak mengedarkan baja ini dengan adil maka Kerajaan Pusat akan bertindak.

Tuan Hassan bin Harun: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Menteri, pertamanya sekiranya Kerajaan Persekutuan akan terus memberi baja, bagaimanakah kaedah peraberiannya dengan tidak ada Penghulu yang disetujui oleh Kerajaan Persekutuan?

Soalan yang kedua, apakah pemberian subsidi ini akan diteruskan juga memandangkan Kerajaan Kelantan sudahpun memberi subsidi alanya yang berharga \$3 satu kmpit tadi? Dan nampaknya kalaulah ini merupakan pilihan yang dipersetujui oleh petani-petani Kelantan, apakah ini tidak membantu mengurangkan sikap subsidy mentality dalam penerimaan subsidi keseluruhannya?

Ketiga, saya ingin tahu juga kalaulah Kerajaan Pusat akan terus memberinya, apakah ini tidak akan menjadi penduaan (duplication) dan merugikan dan membazirkan baja?

Datuk Seri Sanusi bin Junid: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana saya tekankan tadi, bahawa tindakan Kerajaan PAS telah merugikan Kerajaan sendiri dan juga merugikan masyarakat tani. Apakah Kerajaan Pusat akan mengadakan rancangan lain ataupun rancangan mengeluarkan subsidiya bergantunglah kepada kesudian Kerajaan Kelantan untuk mengiktiraf wakil Kerajaan Pusat dalam perundingan dengan mereka.

Tuan Azman Atar bin Othman: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya juga ingin tahu daripada Yang Berhormat Menteri Pertanian, apabila Kerajaan Pusat tidak ada langsung niat berdendam kepada Negeri. Kelantan walaupun tidak menyokong kepada Barisan Nasional, adakah rancangan daripada Kementerian Pertanian atau idea Yang Berhormat Datuk sebagai Menteri yang berkenaan, melalui baja itu bila digunakan oleh petani apabila tumbuh-tumbuhan sudah menghasilkan buah-buahan, kemudian siapa makan sahaja buah-buahan itu maka dia teringat budi baik Kerajaan Barisan Nasional. Ada atau tidak idea daripada Yang Berhormat Datuk?

Datuk Seri Sanusi bin Junid: Tuan Yang di-Pertua, idea beginilah yang paling di takuti oleh Kerajaan PAS. Mereka takut kalau-kalau apabila baja cap dacing ditanggung oleh masyarakat tani di Kelantan dan gunanya dijadikan penyidai dan sebagainya, ianya akan mengingatkan terus ingatan masyarakat tani di Kelantan kepada Barisan Nasional dan mereka bimbang akan kalah dalam pilihanraya akan datang.

Puan Hajah Rogayah binti Che Mat: Tuan Yang ,di-Pertua, soalan tambahan. Tadi Yang Berhormat Datuk Sanusi ada mengatakan yang Kerajaan kita akan mengambil tindakan. Apakah tindakan yang akan diambil memandangkan kemerosotan tanaman padi pada tahun ini disebabkan ketiadaan subsidi baja daripada pihak Kerajaan Pusat?

Datuk Seri Sanusi bin Junid: Tuan Yang di-Pertua, kita tidak boleh cerita awal sangat, kita takut nanti PAS tahu rahsia Barisan Nasional. [Ketawa]

LANGKAH KEMENTERIAN UNTUK MENINGKATKAN PRODUKTIVITI PERTANIAN

16. **Tuan Shuib bin Endut** minta Menteri Pertanian menyatakan:-

- (a) tentang suasana ekonomi yang meningkat ini, apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian untuk mempertingkatkan produktiviti pertanian, contoh - penghasilan sayur-sayuran, buah-buahan, ternakan dan lain-lain; dan
- (b) apakah Kementerian mempunyai rancangan untuk melatih petani-petani agar mereka dapat mempelajari teknik-teknik moden dan setakat manakah langkah-langkah yang diambil untuk mengubah sikap petani-petani kita agar mereka menjadi petani komersial.

Dato' Seri Sanusi bin Junid: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang saya pernah katakan dalam perhimpunan Agung UMNO pada tahun 1977, masyarakat tani, masyarakat luar bandar ataupun masyarakat miskin di negara ini dapat dibandingkan dengan segolongan masyarakat yang berada di puncak sebuah gunung yang tandus, yang mengharapkan penghidupan daripada air hujan yang turun dari langit. Air yang kemudiannya mengalir melalui sungai-sungai menerusi air-air terjun dan air selebihnya turun ke dataran melalui sungai dan tali air. Air yang melimpah ke laut dihisap oleh matahari naik menjadi awan. Awan dipukul angin dan setengah daripada awan pecah di dataran sebagai hujan. Selainnya pecah digunung sebagai hujan.

Gunung itu ialah kuasa politik, gunung itu tandus. Tandus itu adalah kemiskinan, air hujan yang turun adalah perbelanjaan Kerajaan. Sungai-sungai ialah saluran-saluran perniagaan dan kewangan. Air yang turun di puncak gunung selaku subsidi Kerajaan, perbelanjaan Kerajaan, projek Kerajaan dan gaji Kerajaan. Akhirnya turun ke dataran sebagai kota-kota besar. Air di dataran melalui.

net work kewangan akhirnya lebih melimpah ke laut sebagai keuntungan. Di laut air dihisap kerana kepanasan matahari iaitu melalui cukai pendapatan yang memanaskan naik ke langit menjadi awan. Awan inilah Perbendaharaan. Awan ini dipukul oleh angin, iaitu keputusan politik untuk menentukan di mana perbelanjaan Kerajaan itu

Tuan Yang di-Pertua, dalam usaha untuk membantu masyarakat tani, pendekatan yang diambil ialah bagaimana supaya air di dataran mengalir semula ke puncak gunung. Walaupun ada orang dari puncak gunung yang turun ke dataran melalui urban-migration, dengan izin, tetapi kita juga dapat memasarkan barang-barang daripada luar bandar, dari puncak gunung supaya laris di dataran. Maka Kementerian melancarkan berbagai-bagai macam kempen untuk melakukan barang-barang yang tidak laku, untuk memperkenalkan barang-barang yang orang tidak kenal supaya pendapatan itu naik ke puncak gunung yang tandus.

Sementara itu kita juga mempunyai program untuk membawa orang-orang daripada dataran dari kota untuk mengunjungi ke desa-desa sama ada selaku pelancong tempatan ataupun pelancong luar negeri dengan memperindahkan kampung menjadi taman, sama ada di tepi pantai ataupun di hutan belantara.

Tuan Yang di-Pertua, semua usaha ini dapat dicapai dengan adanya perubahan sikap masyarakat tani dan juga ilmu-ilmu yang banyak dalam bidang pertanian. Oleh kerana ilmu pada seseorang pakar itu biasanya out-of date 6 bulan atau satu tahun setelah beliau meninggalkan bangku persekolahan atau universiti, maka satu sekolah yang terbuka secara berterusan, satu institusi pengajian yang terbuka secara berterusan yang dapat mendidik masyarakat tani dalam

teknologi moden untuk menghadapi cabaran ekonomi sezaman perlu diwujudkan. Dalam konteks inilah Taman Pertanian Malaysia telah diwujudkan. Insya Allah, jika semua program berlaku, maka usaha jihad untuk membasmi kemiskinan akan berjaya peringkat demi peringkat.

Tuan Yang di-Pertua: Satu soalan sahaja. Yang Berhormat Tuan Chong Chi Siong.

Tuan Chong Cho Siong: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, Soalan tambahan. Saya berterima kasih kepada Yang Berhormat Menteri atas jawapannya tadi yang begitu menunjukkan prestasi kebijaksanaan, berpengalaman dan berpengetahuan yang luas. [Tepuk] Jadi, saya cuma ada satu soalan tambahan sahaja. Adakah Kementerian Pertanian coordinate dengan Kementerian-kementerian lain seperti Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Kementerian Pengangkutan sebab ada satu sungutan yang sering di dengar ialah petani belimbing besi tidak dapat mengeksport buan-buahan mereka pada masa yang cepat kerana ruang kapalterbang tidak mencukupi. Satu lagi, penternak arnab mengadu bahawa hasil ternak tidak dapat dijual di dalam pasar.

Dato' Seri Sanusi bin Junid: Kementerian Pertanian memang ada penyelarasan dengan Kementerian-kementerian yang lain dan masalah Yang Berhormat nyatakan tadi adalah masalah yang timbul daripada kejayaan. Daripada tidak ada langsung eksport belimbing besi, sekarang ini, sudah ada eksport belimbing besi, dan walaupun masih ada lagi permintaan kepada eksport belimbing besi, tetapi banyak yang sudah dieksport hasil daripada penyelarasan. Saya berharap masalah ini akan terus wujud selagi ada perkembangan dalam bidang import-eksport. Walau bagaimanapun, semuanya Ini sedang diselesaikan, malahan pagi tadi pun ada briefing daripada MAS dan di dalam briefing itu juga telah timbul masalah Yang Berhormat sebutkan tadi.

Mengenai arnab, arnab adalah satu binatang yang dahulunya kita tidak makan sangat kerana kita merasa arnab itu macam kucing dan rasa jijik hendak makan. Saya sendiri tidak makan arnab walaupun saya kempen supaya orang makan arnab. **[Ketawa]** Kalau dahulunya kita sembelih arnab 10,000 ekor sebulan, sekarang ini kita sudah sembelih sampai 200,000 ekor sebulan. Kementerian tidak pernah kempen untuk memelihara arnab, Kementerian hanya kempen untuk makan arnab. Kalau kita kempen pelihara arnab, kita akan menghadapi masalah seperti Yang Berhormat sebutkan tadi. Oleh itu pendekatan kita ialah kempen supaya makan arnab. Apa yang menjadi masalah ialah orang yang memelihara arnab tanpa memikirkan dahulu siapa yang hendak makan. Oleh itu, seseorang yang ingin memelihara arnab perlulah menyelaraskan aktivitinya dengan pihak FAMA kerana FAMA telah dipertanggungjawabkan untuk memasarkan arnab.

Jika ada penyelarasan begini maka pemeliharaan arnab dapat dibuat peringkat demi peringkat supaya arnab ini tidak beranak dan besar sekali gus, pada hari arnab itu hendak disembelih, hari itu tidak ada orang yang hendak makan. Tetapi kalau kita space-out, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, maka dapatlah kita jual arnab yang kita keluarkan. Pasaran untuk arnab saya yakin akan bertambah, lebih-lebih lagi oleh kerana arnab ialah satu binatang yang bersih, lebih vegetarian daripada Brahmin, dia tidak makan tahi seperti ayam, kolesterolnya rendah dan lemaknya juga adalah yang terendah dah rasanya juga mengikut kata orang sedap. **[Ketawa]**

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, hari ini semua soalan telah dijawab dan masa pun sudah cukup, maka sekarang kita terus pergi kepada perkara yang lain.

RANG UNDANG-UNDANG**RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 1991****Bacaan Kali Yang Kedua**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang." 21hb Februari, 1991.

Tuan Yang di—Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sebelum saya menjemput Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Majid bin Abdullah untuk menyambung ucapannya, di sini saya hendak mengingatkan bahawa hari ini ialah masa untuk jawapan daripada Kementerian-kementerian. Maka pada masa sekarang kita masih ada 4 orang yang hendak berucap dan tiap-tiap seorang barangkali akan mengambil masa lebih kurang 15 minit. Tetapi yang lewat sekali pada pukul 5.00, saya akan mulai menjemput Kementerian untuk memberikan jawapan. Maka cubalah memberikan ucapan dengan ringkasnya. Pada masa sekarang saya menjemput sekali lagi Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Majid bin Abdullah menyambung ucapan.

4.09ptg.

Tuan Haji Abdul Majid bin Haji Abdullah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Bagi menyambung ucapan saya semalam, iaitu saya telah menyentuh kepada Maksud B.52 - Kementerian Kerja Raya. Saya sampai kepada tanda-tanda jalan. Tanda-tanda jalan ini hendaklah dibuat lebih teratur kerana kita tahu satu daripada sebab-sebab kemalangan jalan raya ialah kerana tidak adanya tanda-tanda jalan.

Saya ingin memaklumkan kepada Kementerian Kerja Raya iaitu sepanjang jalan dari Jalan Keluang menuju ke Jalan Kulai - Kota Tinggi kerap berlaku kemalangan. Saya dimaklumkan sudah lebih daripada 30 kemalangan berlaku, ini disebabkan kerana tanda-tanda jalan di situ tidak begitu jelas dan ada satu atau dua yang agak kecil. Saya mencadangkan supaya tanda-tanda jalan ini dibuat paling kurang 1,000 meter ataupun 500 meter daripada kawasan kejadian.

Dahulu kawasan ini merupakan kawasan selamat dengan sebab adanya satu pos keselamatan FELDA atau FELSCO di tepi jambatan dan waktu itu semua kenderaan berhenti dan selepas itu baru bergerak dalam keadaan yang lajunya begitu terhad, kira-kira dalam 20 km sejam. Tetapi hari ini dengan tidak adanya pegawai keselamatan di situ, kenderaan yang datang arah daripada Kluang begitu laju dan keadaan simpang ini terlindung dan bila kawasan ini telah hampir dalam keadaan laju, tidak dapat berbuat apa-apa terpaksa merempuh tebing di hadapan dan inilah selalunya berlaku kemalangan.

Satu lagi, di situ juga ada sebuah jambatan dan tidak ada tanda daripada mana-mana arah pun mengatakan di hadapan ada jambatan, Pernah sekali kereta daripada arah Kluang yang saya katakan tadi telah terpaksa menghalakan ke sungai. Nasiblah dia tidak masuk ke air tetapi ke seberang. Dia hanya mengalami kecederaan ringan dan kenderaannya rosak teruk.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa ini penting kerana selama ini berlaku kemalangan ini bukanlah orang tempatan kerana orang tempatan sudah tahu dan biasa dengan kawasan itu. Biasanya berlaku daripada orang yang datang daripada arah utara yang hendak ke Johor Bahru yang tidak hendak lalu Jalan Air Hitam/Johor Bahru yang selalu kemalangan dan mereka mencari jalan yang lebih selamat tetapi nampaknya juga tidak selamat.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu, mengenai tanda jalan juga saya ingin menyatakan terdapat di kawasan yang saya sebutkan ini, yang sekitarnya Kota Tinggi, Kulai dan juga Johor Bahru, kehilangantanda jalan dengan sebab dicuri oleh orang yang tidak bertanggungjawab. Saya ingin penjelasan daripada Kementerian yang berkenaan, berapakah anggaran kerugian yang ditanggung oleh Kementerian ini dengan sebab kehilangan papan-papan tanda yang di-

buat daripada aluminium? Saya mencadangkan kalau boleh jangan buat daripada bahan **ini**, lebih baik daripada plywood. Walaupun dia mudah rosak tetapi tidak banyak duit untuk mengganti atau daripada zink yang tidak menjadi kegemaran pencuri-pencuri ini untuk memusnahkan tanda-tanda jalan yang saya rasa dibuat bukan dengan harga yang murah, mungkin mencapai angka beribu ringgit.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya beralih kepada perkara lain, sekali lagi saya ingin menegaskan daripada apa yang saya katakan semalam iaitu jalan-jalan yang dibuat di FELDA ini saya rasa masih tidak memuaskan dan saya harap peruntukan yang memakan berpuluh juta itu tidaklah akan menjadi peruntukan membazir seperti yang saya katakan semalam dan jalan yang sudah elok ditambak balik dengan batu dan diturap dengan cara tar simbah yang mutunya begitu rendah. Yang elok apa yang sudah sedia ada jangan diubah lagi dan yang betul-betul tanah merahlah yang naikkan taraf. Ini saya katakan di sekitar kawasan di Johor termasuklah yang sekarang ini FELDA ada menjalankan kenaikan taraf jalan kepada rancangan-rancangan FELDA dalam daerah Johor Bahru, Kluang dan juga Kota Tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, beralih kepada Kementerian Pertanian, Maksud B.19, saya ingin merayu kepada Kementerian ini supaya meneruskan latihan-latihan kepada anak-anak nelayan dalam latihan jentera-jentera berat yang mana supaya anak nelayan yang kelulusannya setakat SRP ataupun SPM ini tidak hanya terus menganggur dan daripada latihan ini akan dapat membantu mereka untuk mengusahakan berbagai usaha yang datang daripada hasil daripada nelayan. Kita harus menanamkan semangat kepada anak-anak nelayan ini supaya latihan itu bukan untuk mereka bekerja makan gaji sahaja.

Yang kedua, saya minta juga Kementerian ini menggalakkan orang-orang kampung menternak ayara daging dan ayam telur terutama di rancangan FELDA. Saya kira ini satu usaha yang baik kerana harga telur begitu meningkat dalam "keadaan-keadaan tertentu, lebih-lebih lagi kalau tnsa cuti sekolah kerana pada masa cuci sekolah, inilah biasanya orang kita membuat program hendak kahwinkan anak. Dengan itulah juga harga telur melambung-lambung naik dengan berbagai-bagai alasan.

Kepada B.22 - Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, saya berharap satu pesta budaya akan dapat diadakan di negara ini sepertimana yang telah diadakan pada tahun-tahun 50an dahulu selepas kita baru merdeka. Saya rasa pesta ini akan menguntungkan Kementerian ini dari segi pelancongan kerana kita akan dapat mengutarakan kebudayaan kita yang datang daripada istana, daripada suku kaum, daripada adat sesuatu kaum dan saya kira itu juga harus diambil perhatian oleh Kementerian ini mencungkil bakac-bakat kesenian atau kebudayaan yang ada di kampung-kampung yang dibawa daripada tanah seberang oleh penduduk negara ini yang masih lagi segar, yang kita tidak tahu bahawa masih terpendam.

Seterusnya, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh Kementerian Penerangan iaitu dalam Maksud B.44 berhubung dengan masalah gaji dan juga ganjaran kepada pegawai-pegawai luar.

Saya pernah menyebutkan hal ini di Dewan ini pada dua, tiga tahun lepas pada mula saya berada di Dewan ini dan saya difahamkan usaha-usaha telah dibuat tetapi hingga hari ini tidak ada keputusan lagi. Pegawai-pegawai luar kita ini tidak diberi perhatian sungguhpun saya rasa tugas mereka untuk negara ini amat penting. Merekalah jadi nadi saluran menerangkan segala usaha-usaha Kerajaan atau

program-program Kerajaan di seluruh negara dan mendidik rakyat untuk memberi sokongan padu, lebih-lebih lagi dalam masa pilihanraya, Kalaulah umpamanya OWG (Operator Wayang Gambar), dia juga kena jaga kenderaan, dia juga kena jaga mesin wayang gambar dan dia juga kena jaga pembesar suara. Kalau ada majlis dan kalau pembesar suara itu tidak elok, dia yang kena marah. Kadang-kadang orang lain pasang, Jabatan Penerangan yang kena tuduh. Ini saya rasa tidak adillah sedangkan mereka bertugas teruk-teruk, pendapatan ataupun ganjaran yang mereka terima tidak setimpal dengan mana jawatan-jawatan lain yang kita sedia maklum banyak ganjaran-ganjaran yang telah diberi kepada pegawai-pegawai yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, begitu juga dengan masalah siaran televisyen. Kita ada TV1, TV2 dan TV3. Ada kita dengar satu syarikat yang hendak memohon satu stesen baru, kalau tidak silap saya, Melawar Corporation tetapi sehingga hari ini nampaknya Kerajaan masih bertahan dan tidak membenarkan. Saya rasa kalaulah banyak sangat masalah TV yang dirungutkan oleh pendengar-pendengar tidak puas hati itu, tidak puas hati ini, apalah salahnya kalau kita beri sahaja satu peluang lagi untuk TV4 umpamanya untuk dapat memenuhi selera orang ramai kerana di dalam hal ini, saya rasa mungkin daripada saudara kita keturunan Cina minta TV3 adakan siaran bahasa Tionghua, begitu juga orang-orang Tamil. Tetapi Kerajaan tidak berbuat apa-apa. Kalau begitu berikan sahaja peluang kepada satu stesen lagi diadakan. Biarlah mereka dapat menikmati apa yang mereka suka, saya rasa ini swasta, dia berniaga, dia hendak cari untung, biarlah dia jalankan cara perniagaan yang pulangnya saya rasa Kerajaan akan dapat daripada stesen TV yang baru ini, macam mana kita adakan daripada TV3.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya Kementerian Perusahaan Awam, Maksud B.33 ini, fasal meluluskan permit A selama 6 bulan. Saya rasa kalau 6 bulan, ini adalah satu jangka masa yang singkat. Mana pengusaha hendak mendapatkan pinjaman bank dan yang lebih rumitkan ialah mendapatkan kenderaan itu sendiri. Kalau Kerajaan ada jaminan bahawa kenderaan itu boleh keluar dalam masa 6 bulan, saya rasa tidak ada masalah. Kadang-kadang duit sudah ada kenderaan tidak dapat, sampai dua tahun pun ada. Jadi, kalau hendak turun naik pejabat minta sambung, saya rasa apalah salahnya dibuat cara lama. Kalau setahun itu, saya rasa adalah sedikit dapat mereka mencari kenderaan-kenderaan itu lebih selesa lagi, kerana sekarang ini saya rasa memang masalah mendapat kenderaan ini satu masalah besar pada pengusaha-pengusaha lori sama ada lari kargo ataupun lari tanker. Ada syarikat-syarikat yang membekal kenderaan ini tidak dapat menampung permintaan-permintaan yang begitu meningkat daripada pengusaha-pengusaha.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya pergi kepada Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, pada Maksud B.53, di mana kita tahu ada tabung modal pusingan yang disediakan oleh Jabatan Pembangunan Koperasi, tetapi setakat mana sahaja koperasi yang tahu hal ini kerana tidak ada pendedahan kepada mereka. Jadi, saya harap supaya penerangan yang luas diberi kepada koperasi-koperasi yang mereka boleh meminjam dari tabung modal pusingan ini, itupun setakat ini saya ditahamkan tidak lebih \$100,000 kepada koperasi yang hendak mengusahakan usaha-usaha termasuklah perusahaan lori pengangkutan tadi, dan yang lebihnya diberi kepada pengusaha-pengusaha untuk projek perumahan.

Saya ingin mencadangkan kepada koperasi yang ingin menjalankan usaha-usaha seperti pengangkutan lori ini biarlah diberi pinjaman sekurang-kurangnya kepada \$500,000.

Seterusnya mengenai Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Maksud B.54. Sepertimana yang dimaklumkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi, FELDA tidak ada lagi mengambil para peneroka untuk ditempatkan di rancangan FELDA.

Saya ingin mencadangkan kepada Kementerian ataupun FELDA sendiri supaya tanah-tanah yang ada di kawasan FELDA yang berjumlah lebih kurang 200-500 ekar itu, dimasukkan para peneroka memandangkan kalau ini diusahakan secara ladang ataupun estet oleh FELDA tidaklah begitu ekonomik, dan begitu janggal sekali kerana kawasan

ini telah didiami oleh peneroka lebih 20 tahun, dan ada pula satu kawasan untuk peneroka dan ada satu kawasan lagi pula untuk ladang FELDA. Saya mencadangkan supaya tanah ini diberi kepada anak-anak peneroka ataupun tanah peneroka untuk generasi kedua supaya dapat mengusahakan kawasan ini, yang kadang-kadang kawasan ini bukanlah kawasan yang ekonomik sangat. Jadi kalau kita beri kepada mereka dengan tidak payah mendirikan rumah, rumah boleh didirikan oleh peneroka itu sendiri dan beban hutang tidaklah **tinggi** kepada mereka untuk membayar balik kepada pihak FELDA.

Begitu juga dengan Perbadanan Niaga FELDA (PNF). Saya rasa sudah sampai masanya Perbadanan ini mengembangkan sayapnya membual perniagaan besar-besaran keluar daripada FELDA di bandar-bandar besar yang berhampiran, misalnya di Johor, Johor Bahru, Kota Tinggi, Kluang, Batu Pahat, Muar dan lain-lain. Begitu juga di rancangan-rancangan lain di negeri Pahang umpamanya yang begitu luas dengan Rancangan Jengkanya, Cini dan Karatong.

Saya rasa sudah sampai masanya dia tampil membuka perniagaan ini di Kuantan umpamanya, jadi dapatlah Perbadanan Niaga FELDA ini berkembang lebih dalam daripada Rancangan FELDA sendiri yang kadang-kadang bersaing pula dengan peneroka, peneroka pun hendak berniaga, PNF juga hendak berniaga dan perniagaan itu berkisar di dalam tempat yang sama.

Tuan Yang di-Pertua: Minta maaf, Yang Berhormat. Yang Berhormat telah mengambil masa lebih daripada 15 minit, kerana masih ada Yang Berhormat Tuan Isli, Yang Berhormat Tuan Ng Peng Hay dan barangkali kalau ada masa Yang Berhormat Tuan Saidin hendak berucap, jadi boleh selesaikan.

Tuan Haji Abdul Majid bin Haji Abdullah: Sedikit sahaja. Tuan Yang di-Pertua, kalau begitu saya terus kepada Kementerian Dalam Negeri iaitu berhubung dengan masalah dadah.

Merujuk kepada kenyataan Pengarah Pasukan Petugas Anti Dadah Majlis Keselamatan Negara menunjukkan 600 orang penagih dadah baru dikesan setiap bulan, tarikan mencuba yang belum menagih lebih kuat. Saya mengesyorkan supaya Kerajaan terus membina lebih banyak Pusat Serenti dan meningkatkan penguatkuasaan bagi membanteras pengedaran dadah di seluruh negara. Saya juga mencadangkan tumpuan khas hendaklah juga diberi kepada Rancangan-rancangan FELDA.

Xuan Yang di-Pertua, oleh sebab masa tidak mengizinkan, saya dengan ini mohon menyokong. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih, Yang Berhormat Tuan Isli.

4.25 ptg.

Tuan Isli bin Haji Siput: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan berbilang ribuan terima kasih kerana memberikan kesempatan bagi saya untuk membuat ucapan membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan dan Belanjawan 1991.

Terlebih dahulu saya juga memohon maaf oleh kerana suara saya tidak begitu selesa.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana memandangkan masa bagi saya hanya 15 minit, yang mana sepatutnya saya pada hari ini ingin

menghujahkan selama 2 jam, tetapi hanya 15 minit saya diberikan. Saya rasa lebih baik saya rumuskan merangkumi segala hujah-hujah yang saya hendak hujahkan pada hari ini. Tetapi sebelum daripada itu saya ingin mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan kita yang telah dapat menunjukkan prestasi yang begitu baik sekali, yang bolehlah dikatakan bukan hanya negara kita yang memuji tetapi juga negara-negara lain dalam bentuk pencapaian ekonomi negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya akan teruskan. Saya juga ingin memuji kepada semua Yang Berhormat Menteri-menteri yang telah mencapai satu tahap prestasi yang sangat mengembirakan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh terus kepada B.19 - Kementerian Pertanian. Kalau kita lihat daripada Menteri Pertanian yang telah banyak memberikan sumbangan-sumbangan, idea yang bernas dan juga kempen-kempen bagi rakyat kita di negara ini untuk memajukan buah-buahan tempatan dan berbagai-bagai kempen lagi. Daripada segi ini saya telah dapat melihat bahawa prestasi Kementerian ini amatlah layak diberi kepujian.

Sehubungan dengan itu, Tuan Yang di-Pertua, sesuai dengan Pulau Labuan yang telahpun diisytiharkan sebagai IOFC, dan juga lautan yang begitu meluas, dan saya katakan bahawa, dengan izin, is a rich sea, perlulah Kementerian Pertanian dan juga Jabatan Perikanan membuat satu kajian yang mendalam bagi mewujudkan suatu Badan ataupun LKIM patut diwujudkan di Pulau Labuan kerana memandangkan bahawa betapa pentingnya rakyat di Pulau Labuan akan terus bersama menikmati daripada hasil tangkapan laut dalam.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh Maksud B.20 - Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri dan juga Maksud B.21 sekaligus. Dalam soal ini, sekali lagi saya ingin menyatakan bahawa Labuan telah diisytiharkan sebagai IOFC beberapa bulan yang lalu tetapi apakah dan berapa banyakkah permohonan-permohonan daripada negara luar untuk melahir di Wilayah Persekutuan Labuan, supaya ianya selaras dengan taraf IOFC?

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh Maksud B.26 - Kementerian Pendidikan, yang mana Kementerian Pendidikan telahpun banyak memberikan peluang-peluang kepada anak tempatan untuk melanjutkan pelajaran ke institusi-institusi pelajaran tinggi, dan begitu juga dengan prestasi-prestasi yang telah dapat kita lihat daripada keputusan pelajaran anak-anak kita. Di samping kita memberikan pelajaran bermutu tinggi kepada anak-anak kita, kita juga ingin menitikberatkan ke atas keselamatan anak-anak kita di dalam sekolah.

Kalau kita tinjau sekolah-sekolah di seluruh negara ini, tetapi saya tidak mempunyai kesempatan untuk meninjaunya, saya hanya dapat meninjau satu sekolah iaitu sekolah di Pulau Labuan yang berasrama penuh, saya telah mendapati bahawa kesemua cermin-cermin telahpun pecah. Ini juga mengakibatkan pelajaran anak-anak kita. Daripada segi keselamatannya harus kita fikirkan sama dengan taraf dan prestasi pelajaran anak-anak kita. Saya ingin mencadangkan agar Kementerian Pendidikan dapat membuat satu penelitian dan meninjau supaya perkara ini dapat diuruskan dengan segera.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh B.34 iaitu Kementerian Kesihatan. Beberapa pelabur-pelabur yang ingin cuba melabur di Pulau Labuan juga ingin melihat dan meninjau keadaan hospital kita di Pulau Labuan yang mana keadaan hospital kita cukup menyedihkan. Saya ingin mencadangkan agar Kementerian ini akan dapat membina satu hospital yang sudah diluluskan, kalau saya tidak silap, supaya ianya dapat disegerakan agar pengunjung-pengunjung kita dan juga pelabur-pelabur asing senang untuk melabur kerana keselamatan mereka juga diambil kira.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga menyentuh B.44 berkenaan dengan Kementerian Penerangan. Kita mempunyai satu pejabat Kementerian Penerangan di Labuan, tetapi saya difahamkan bahawa Kementerian Penerangan ini adalah masih di bawah jagaan Sabah. Saya suka mencadangkan di sini agar pejabat ini dapat diletakkan di bawah jagaan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, memandangkan bahawa Labuan adalah sebahagian daripada Wilayah Persekutuan.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga menyentuh B.22 Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan. Kalau kita lihat daripada segi prestasi dan kemampuan Kementerian ini, patut diberi "pujian daripada segi ekonomi dan juga pertambahan ekonomi dan sumber-sumber ekonomi negara. Saya ingin mencadangkan agar Kementerian ini membuka satu cawangan di Pulau Labuan kerana memandangkan bahawa satu negara luar iaitu Brunei Darussalam adalah berdekatan dengan Pulau Labuan. Kalau kita lihat, kalau kita baca dan kalau kita benar-benar meneliti, kalau Singapura dan Johor dan orang-orang Singapura dapat berkunjung ke Johor setiap hari, begitu juga keadaan saudara-saudara kita dari Brunei Darussalam dapat berulang-alik setiap hari memandangkan ekspres dari Labuan ke Brunei dan juga daripada Brunei ke Labuan boleh dikatakan tiap-tiap hari ada dua ekspres yang berulang-alik. Maka dengan itu Labuan juga mempunyai satu potensi yang amat baik. sekali di segi pelancong daripada Brunei DarussaLam.

[Tuan Adam bin Kadir **mempengerusikan mesyuarat**]

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana masa dan saya tidak begitu sihat memandangkan suara saya susah hendak keluar, saya dengan ini menyokong Rang Undang-undang Perbekalan 1991.

Tuan Adam bin Kadir: Saya menjemput Yang Berhormat Ng Peng Hay. 4.35 ptg.

Tuan Ng Peng Hay: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk mengambil bahagian dalam perbahasan dan seterusnya menyokong Rang Undang-uudang Perbekalan 1991.

Tuan Yang di-Pertua, saya sebagai seorang Ahli Dewan yang mulia ini mengambil kesempatan ini mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Yang Berhormat Dato' Paduka Daim Zainuddin sebagai Menteri Kewangan yang akan meletakkan jawatan mulai 15hb Mac akan datang.

Kita masih ingat lagi, semasa Dato' Paduka Daim mengambilalih Kementerian Kewangan sebagai Menteri Kewangan, keadaan ekonomi dunia khususnya negara-negara membangun seperti Malaysia mengalami kemerosotan ekonomi yang paling teruk. Hutang negara agak begitu tinggi tetapi ketabahan dan sikap berhati-hati Dato' Paduka Daim menghadapi cabaran dengan sokongan yang padu dari Kabinet, dapat dilalui dengan penuh semangat dan Belanjawan Negara dapat dibentangkan dengan memberi kepuasan kepada semua pihak. Hutangnegara telah dapat dibayar balik sebelum tempoh yang dijangkakan. Inilah satu kecekapan beliau semasa menjadi Menteri Kewangan.

Tuan Yang di-Pertua, saya terus akan menimbulkan perkara B.7 berkenaan dengan Jabatan Perdana Menteri dan ini adalah berkaitan dengan krisis air yang telah dihadapi di negeri Melaka dan saya berpendapat sekiranya seorang Wakil dari negeri Melaka tidak menimbulkan masalah air di negeri Melaka, maka kemungkinan saya akan dituduh oleh rakyat negeri Melaka. Oleh yang demikian, saya suka menarik perhatian Dewan ini berhubung dengan krisis air di negeri Melaka. Kerajaan Negeri bersama-sama dengan pihak Lembaga Air telah berusaha mengatasi masalah krisis air sama ada untuk keperluan orang ramai ataupun untuk kegunaan kilang-kilang di Melaka.

Saya mengucapkan terima kasih sebagai wakil bagi pihak semua rakyat negeri Melaka kepada Kerajaan Pusat di atas tindakan segera

yang dibuat melalui lawatan segera Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri yang mengeluarkan bantuan sejumlah \$8 juta dan juga pihak Kabinet yang telah meluluskan peruntukan \$25 juta dalam usaha mengatasi krisis air di Melaka. Kerajaan Negeri Melaka telahpun menubuhkan satu jawatankuasa penyiasat seperti yang diarahkan oleh Kabinet untuk menyiasat sebab musabab kekeringan air di Empangan Durian Tunggal di Melaka itu yang mana kenapa boleh berlaku. Jawatankuasa ini telah diketuai oleh Yang Berhormat Penasihat Undang-undang Negeri. Syor-syor dan langkah-langkah perlu akan menjadi panduan Kerajaan Negeri untuk bertindak selanjutnya.

Tuan Yang di-Pertua, krisis air yang telah berlaku ini adalah kerana bencana kemarau dan kerana krisis air ini telah diberi liputan yang meluas oleh press media, maka telah menjadikan satu isu yang besar dan ada setengah-setengah press media yang saya berasa kecewa, telah membuat beberapa Laporan yang tidak benar yang tidak ada berkaitan dengan air telah menyalahkan pihak Lembaga Air. Apa yang saya ingin membetulkan ialah, dalam satu kenyataan, satu gambaran yang sebenarnya berlaku di Melaka ialah, contohnya, pada bulan yang lalu ada lapan kes yang terlibat dengan kes demam typhoid yang berlaku baru-baru ini yang telah disahkan oleh Kementerian Kesihatan kerana ke lapan-lapan kes demam typhoid tidak ada kena-mengena dengan krisis air. Tetapi ada setengah-setengah press media telah membesarkan isu ini dengan mengatakan bahasa demam typhoid ini adalah kerana air.

Maka ia telah dengan secara tidak langsung menjejaskan imej negeri Melaka sehingga industri pelancongan telah dijejaskan.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi kerumitan yang dihadapi oleh pekilang-pekilang dan Kerajaan Negeri Melaka telah berusaha membantu mereka untuk mengatasi kerumitan yang dihadapi. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, sehingga hari ini walaupun krisis air di negeri Melaka telah hampir enam minggu tetapi keadaan masih terkawal dan industri perkilangan dan perhotelan masih berjalan seperti biasa.

Tuan Yang di-Pertua, di sini saya suka menarik perhatian bahawa Melaka bersama Kerajaan Pusat telah berusaha untuk menarik lebih ramai pelabur-pelabur asing dan pelabur-pelabur tempatan dan juga cuba menjadikan Melaka sebagai satu destinasi pelancongan. Saya suka membuat satu kenyataan di sini bahawa walaupun Melaka sedang menghadapi kekurangan air tetapi industri pelancongan dan perkilangan tidak terjejas. Maka oleh yang demikian saya berharap semua press-media akan bekerjasama dan jangan mengelirukan orang ramai atau orang awam tentang krisis air yang dihadapi.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada bencana kerana kemarau yang menjadikan Melaka kekurangan air, tidak dapat dinafikan dan saya berpendapat bahawa kelemahan dalam pengurusan pihak Lembaga Air dan kelemahan pentadbiran Lembaga Air adalah satu daripada sebab-sebab yang menyebabkan kekurangan air di Melaka. Walaupun siasatan masih di jalankan tetapi mengikut apa yang saya berpendapat kerana pentadbiran Lembaga Air sehingga hari ini masih tidak dapat memberikan satu jawapan yang tepat kenapa empangan di Durian Tunggal itu kering sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun laporan awal krisis air di Melaka ini yang sedang dijalankan siasatan belum dapat satu keputusan, tetapi yang saya timbul di dalam Dewan ini ialah adalah berkaitan dengan air yang digunakan oleh pengguna-pengguna di negeri Melaka. Oleh yang demikian saya suka menarik perhatian Kementerian Perusahaan Utama ini adalah kerana baru-baru ini saya telah melawat ke Empangan Durian Tunggal dan saya telah dapati dan saya berasa sangat munasabah dan lojik kerana untuk memindahkan dua buah kilang kepunyaan Kementerian Perusahaan Utama iaitu kilang MARDEC dan kilang MARFEC Fertilizer yang berhampiran dengan Empangan Durian Tunggal.

Sisa air dua kilang tersebut, dengan izin, effluent discharge dialirkan ke sungai Melaka bersebelahan dengan pump house Lembaga Air Melaka iaitu tempat menyedut air untuk bekalan air di Melaka. Apa yang terkejut kepada saya, dan saya telah menyediakan gambar-gambar yang saya ambil semasa saya membuat lawatan ke Empangan Durian Tunggal dan Tuan Yang di-Pertua, kalau mengizinkan saya, saya sedia menyerahkan gambar-gambar ini kepada Kementerian Perusahaan Utama dan juga kepada pihak DOE untuk menyiasat terus. Kerana dari kajian saya didapati bahawa kedua-dua kilang ini iaitu kilang MARDEC dan juga kilang MARFEC Fertilizer ini adalah di sebelah pump house, dengan izin, Lembaga Air di Empangan Durian Tunggal. Dan yang menjadikan tanda tanya ialah bahawa kenapa MARFEC Fertilizer hanya didirikan pada tahun 1989 di sebelah pump house Lembaga Air. Sisa air buangan kedua-dua kilang hanya disekatkan oleh empangan jajar dan pada satu-satu masa, sisa air buangan kedua-dua empangan tersebut...

Tuan Adam bin Kadir: Hanya disekat oleh empangan apa?

Tuan Ng Peng Hay: Empangan jajar, pintu empangan jajar. Jadi, apa yang saya sebutkan **ini**, Tuan Yang di-Pertua, pada satu-satu masa sisa air buangan kedua-dua kilang tersebut telah melimpah masuk ke sungai Melaka di mana airnya disedut untuk kegunaan orang ramai.

Dalam tinjauan saya, kesan-kesan dan guni-guni pasir masih lagi terdapat mengikut gambar yang saya ambil dan keadaan akan lebih dahsyat lagi manakala air sungai Melaka cetek. Saya sebut demikian kerana menurut apa yang saya dapat tahu daripada technician-technician pihak Lembaga Air, satu daripada sebab yang mana pihak Lembaga Air tidak dapat membekalkan air yang mencukupi untuk rakyat negeri Melaka ialah kerana bila sungai Melaka ini cetek, sisa air yang dibuang oleh kedua-dua kilang ini telah melimpah masuk ke dalam sungai Melaka. Maka pihak Lembaga Air terpaksa memberhentikan menyedut air untuk kegunaan orang ramai. Walaupun perkara ini pernah dibawa kepada perhatian pihak-pihak yang tertentu, tetapi tidak ada tindakan diambil.

Tuan Yang di-Pertua, oleh yang demikian saya berharap Kementerian yang berkenaan akan mengambil satu tindakan yang serius terhadap aduan saya. Saya berharap agar kedua-dua kilang ini mesti dipindahkan supaya kawasan tadahan air Durian Tunggal ini dapat menakung air yang mencukupi untuk dibekalkan kepada pengguna-pengguna tanpa sebarang pencemaran daripada kedua-dua kilang ini.

Tuan Yang di-Pertua, keadaan sehingga hari **ini**, jumlah air yang dapat dibekalkan oleh pihak Lembaga Air kepada semua rakyat negeri Melaka ialah lebih kurang 15 juta galen sehari dan ini telah dapat dibekalkan untuk mencukupi dan mengatasi kegunaan orang ramai dan

juga dibekalkan untuk kegunaan pekilang-pekilang dan hotel-hotel,

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada masalah air yang telah saya timbulkan, seterusnya saya menimbulkan perkara berkenaan B.37 iaitu ada berkaitan dengan Jabatan Imigresen.

Baru-baru ini saya telah mendapat aduan daripada beratus-ratus orang pemegang pasport Malaysia yang baru balik daripada Taiwan kerana apa yang saya difahamkan melalui pegawai MFTC, (Malaysian Friendship Trading Centre) bahawa ada sejumlah lebih kurang 16,000 rakyat Malaysia duduk di Taiwan pada masa kini telah melebihi tempoh yang dibenarkan oleh pihak Kerajaan Taiwan. Baru-baru ini beratus-ratus rakyat Malaysia yang pulang daripada Taiwan untuk merayakan Tahun Baru Cina dan buku pasport mereka telah ditahan di lapangan terbang Subang dan di lain-lain pintu masuk ke negara kita kerana duduk di Taiwan melebihi had masa yang dibenarkan.

Baru-baru ini saya dapati bahawa ada lebih kurang 60 orang penuntut, peniaga, pekerja dan juga murid-murid yang sedang melanjutkan pelajaran dan pengajian tinggi di Taiwan juga terkandas dan tidak dapat pulang semula ke Taiwan untuk melanjutkan pengajian mereka. Apa yang saya mendapat aduan iaitu bahawa setengah-setengah pemegang pasport ini telah dimaklumkan oleh pegawai Imigresen bahawa pasport mereka kemungkinan akan dirampas kerana telah mencemar dan menjejaskan imej negara kita di luar negeri. Oleh yang demikian saya berharap Jabatan Imigresen dan juga Kementerian Dalam Negeri dapat mengkaji semula dan dapat mengaji satu demi satu kes pasport yang telah digantung ini dan sekiranya didapati pemegang pasport ini tidak terlibat dengan apa-apa kes jenayah di luar negeri maka saya merayu dan berharap Jabatan Imigresen akan memulang semula pasport-pasport mereka demi peri kemanusiaan.

Tuan Yang di-Pertua, kerana setahu saya pihak Kerajaan Taiwan telah memberi satu kelonggaran, satu tempoh sehingga hujung bulan ini iaitu sehingga 28hb Februari tahun ini kepada semua penduduk-penduduk sementara yang duduk melebihi had masa yang diizinkan. Maka rakyat-rakyat Malaysia yang pulang pada tempoh ini sepatutnya diberi kelonggaran oleh Kerajaan kita juga.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana masa tidak mencukupi, maka dengan ini saya sekali lagi suka mengucapkan terima kasih kepada Dewan **ini**, kerana memberi saya peluang untuk berucap dan terus menyokong Rang Undang-undang Perbekalan, 1991. Terima kaish.

Tuan Adam bin Kadir: Terima kasih. Sebenarnya waktu sudah cukup, Ahli Yang Berhormat hendak berhenti cepat. Tak mengapalah. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Tuan Saidin untuk menyampaikan ucapan.

5.41 ptg.

Tuan Saidin bin Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih saya ucapkan kerana memberi peluang kepada saya untuk membahas Rang Undang-undang Pembekalan 1991.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam menyokong Rang Undang-undang yang bernama suatu Akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan

Wang Disatukan untuk perkhidmatan bagi tahun 1991 dan bagi memper-
untukkan jumlah wang itu dan apa-apa jumlah wang lain yang telah di-
benarkan sebagai perbelanjaan untuk perkhidmatan bagi sebahagian
daripada tahun itu atau ringkasnya Akta Perbekalan 1991. Maka saya
sukalah menyentuh beberapa perkara terutama dalam soal pemerhatian
pihak pemerintah mengenai kampung baru di bandar-bandar di mana amat
perlu suatu tumpuan bagi membangunkan mereka telah mendapat pemer-
hatian daripada pihak Kerajaan dan tindakan segera telah diambil.
Kampung baru di bandar-bandar adalah merupakan imej bagi negara kita
ataupun bagi Kerajaan kita. Pelancong ataupun para pelawat sering
melihat dalam perjalanan mereka mengenai keadaan kampung-kampung
baru di bandar-bandar. Apabila di sekelilingnya ada bangunan-
bangunan yang tersergam indah dan sudah pasti ternampaklah keadaan
ketinggalan yang terdapat di kampung-kampung baru.

Begitu juga dalam soal-soal lain, di mana dalam sesuatu hal itu
telah ketinggalan jauh, sedangkan ada pihak-pihak yang ketinggalan
ataupun sukar untuk mendapat maklumat, tiba-tiba kita dapat ketahui
bahawa alangkah sedihnya, sedangkan orang lain telah begitu jauh
mencapai apa yang telah diketahuinya.

Dalam hal **ini**, saya suka menyentuh mengenai peranan MARA. MARA
adalah satu-satunya badan Kerajaan yang mana penduduk luar bandar
telah kenal. Terkenalnya MARA kerana MARA dapat memberikan pinjaman
wang untuk peniaga-peniaga atau untuk penjaja-penjaja. Tetapi
malangnya, masih ramai penduduk-penduduk luar bandar yang tidak tahu

lebih lanjut aktiviti MARA yang lain. Penduduk luar bandar mengetahui peranan MARA iaitu adanya perkhidmatan kenderaan. Sedikit sahaja yang mengenai aol pendidikan, soal-soal pembangunan usahawan dan pelaburan, sedangkan ramai di kalangan belia-belia tidak membuat apa-apa kegiatan ataupun tidak dapat menerokai apa-apa kegiatan, sedangkan belia-belia inilah yang perlu diberikan latihan bagi membolehkan mereka mencapai penghidupan yang lebih cemerlang.

Justeru itu, MARA amatlah penting memainkan peranan di dalam memperjelaskan tentang aktiviti MARA. Penjelasan aktiviti MARA ini perlulah diberikan kepada pemimpin-pemimpin masyarakat, sama ada JKKK, RELA dan sebagainya.

Belia-belia masih muda, tidak banyak pengalaman dan jika sekiranya kursus-kursus tentang peluang-peluang yang mereka boleh ambil diberi kepada mereka sahaja, tidak banyak memberi manfaat ataupun faedah kepada Kerajaan. Oleh itu, badan-badan sukarela yang saya sebutkan tadi adalah penting yang boleh memainkan peranan di dalam menasihatkan belia-belia untuk memilih jalan untuk mereka tuju bagi mencapai arena penghidupan mereka pada masa yang akan datang.

Bila memperkatakan peluang untuk belia-belia mencapai Latihan bagi penghidupan yang baik, bermaknalah kita mempersoalkan kesejahteraan, keamanan dan punca pencapaian segala-galanya itu. Dengan sebab itu, kita rakyat Malaysia menyokong penuh pendirian negara kita dalam mencapai Ketetapan 678 Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu. Perang menggunakan senjata,

bermakna melakukan permusnahan. Siapa yang untung, kerana kedua-dua pihak, kalah menjadi abu, menang menjadi arang. Kenapakah pihak Amerika sahaja yang membuat ketetapan untuk melakukan serangan, tidak merujuk kepada Majlis Keselamatan PBB? Kemudian terus melakukan serangan dan tiba-tiba 32 negara yang lain, negara-negara bersekutu yang lain turut sama berperang. Bukankah keputusan muktamad terletak kepada Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu? Ini bermakna sebarang apa sahaja di dalam menentukan keputusan PBB adalah hak kuasa-kuasa besar. Kalau Amerika dan Yahudi satu haluan, bermuafakat untuk memusnahkan negara Islam, kenapakah negara-negara Islam lain turut menyokong atau sekurang-kurangnya memberikan sokongan moral?

Kita sedar bahawa negara-negara yang cintakan keamanan menyedari bahawa Iraq tidak memulakan serangan dan tidak membunuh orang-orang awam. Tetapi serangan Amerika yang bertubi-tubi itu telah membunuh beribu-ribu orang awam. Siapakah.....

Tuan Adam bin Kadir: Yang Berhormat, saya ingin memberikan ingatan, masa Yang Berhormat tinggal dua minit sahaja lagi. Kalau panjang, harap ringkaskan.

Tuan Saidin bin Mohamad: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Jadi, di dalam soal ini, siapakah yang dapat menghukum Amerika sedangkan Amerika adalah kuasa besar melakukan serangan sewenang-wenangnya. Jadi, dengan demikian, tiada sesiapa pun yang dapat membuat apa-apa kepada negara-negara kuasa besar ini.

Tuan Yang di-Pertua, bagi kita Malaysia suatu perangan "Jihad" ialah membasmi kemiskinan. Usaha-usaha Kerajaan kita ke arah untuk mencapai ke tahap yang mengagumkan telah banyak dijalankan. Dengan sebab itu, walaupun dasar Kerajaan tidak sesiapa pun dapat menafikan tentang kebaikannya bagi mencapai ke tahap kekaguman itu, namun demikian terdapat perlaksanaannya yang melibatkan jentera Kerajaan masih perlu dikemaskinikan.

Dalam memperkatakan soal itu, hasrat Kerajaan menyusun semula masyarakat, terutama melibatkan masyarakat luar bandar, kampung hala cara baru yang tidak begitu berfungsi harus digembelingkan tenaga semua pihak. Ke bukit sama didaki, ke lurah sama dituruni, bagi tujuan yang satu iaitu untuk menimbulkan kesedaran supaya mencapai tahap masyarakat berdikari di dalam kampung hala cara baru.

Masyarakat kampung hala cara baru ini perlu diingat di dalam membantu bagi mencapai keadaan ekonomi yang stabil, mengajar memancing ataupun mengail adalah lebih baik daripada memberikan ikan walaupun ikan itu besar kerana bagaimana besarnya ikan itu akan habis di makan.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam menyokong Rang Undang-undang ini, setakat itulah sahaja ucapan saya. Sekian, terima kasih.

Tuan Adam bin Kadir: Ahli-ahli Yang Berhormat, sampailah giliran Kementerian-kementerian memberi balasan dan jawapan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat setelah membincangkan beberapa hari. Tetapi sebelum saya menjemput untuk memberi jawapan, saya ingin menyatakan ada sedikit perubahan iaitu giliran yang ketiga yang sepatutnya Kementerian Pembangunan Luar Bandar kita gantikan dengan Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat. Maka nombor empat akan diambil oleh Kementerian Pembangunan Luar Bandar.

Jadi, dengan ini saya menjemput Menteri di Jabatan Perdana Menteri untuk memberi jawapan.

5.00 ptg.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha]: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan atas dasar-dasar am Belanjawan 1991 dan seterusnya memberi cadangan, teguran dan syor-syor mengenai perkara-perkara di bawah tanggungjawab Jabatan Perdana Menteri.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Ainon binti Ariffin yang menyentuh mengenai Badan Pencegah Rasuah memilih bulu dan mengambil tindakan terhadap ikan-ikan bilis sahaja dan tidak terhadap mereka yang terlibat dengan rasuah-rasuah besar.

Tuan Yang di-Pertua, perlu ditegaskan di Dewan yang mulia ini bahawa Badan Pencegah Rasuah tidak pernah memilih bulu dalam melaksanakan tugas-tugas yang diamanahkan kepadanya. Badan Pencegah Rasuah akan menangkap mereka yang melakukan perbuatan-perbuatan rasuah jika ada bukti sama ada orang kenamaan, Ahli-ahli Yang

Berhormat, orang-orang besar ataupun orang biasa. Beberapa perkembangan terbaru kebelakangan ini adalah bukti jelas yang Badan Pencegah Rasuah tidak memilih bulu dalam melaksanakan tugas-tugasnya.

Suka saya mengambil kesempatan di sini memaklumkan bahawa usaha-usaha membanteraskan rasuah akan menjadi lebih berkesan sekiranya orang-orang berpengaruh seperti Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian dan orang ramai sanggup tampil ke hadapan memberikan maklumat-maklumat yang bermutu yang akan membantu urusan-urusan penyiasatan dan seterusnya tangkapan.

Yang Berhormat Senator Mustafa bin Awang pula membangkitkan empat perkara yang menyentuh bidang tugas Badan Pencegah Rasuah. Pertama beliau meminta agar Badan Pencegah Rasuah menghantar pegawai-pegawainya ke luar negeri kerana beliau raendakwa taukeh-taukeh dan mereka yang berkemampuan sering melakukan rasuah di luar negeri. Beliau mendakwa ada projek yang sepatutnya bernilai \$150 juta tetapi dicadangkan bernilai \$650 juta.

Perkara yang ketiga kononnya terdapat orang yang sanggup menjual orang kepada orang yang ada kuasa menandatangani kontrak. Perkara yang keempat, Yang Berhormat berkenaan mendakwa Badan Pencegah Rasuah tidak merapati orang yang bertaring.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai dakwaan tersebut, saya minta-Ahli-ahli Yang Berhormat, sekiranya mempunyai apa-apa maklumat tentang rasuah atau penyalahgunaan kuasa, silalah laporkan perkara itu kepada Badan Pencegah Rasuah untuk maksud tindakan sewajarnya. Kepada dakwaan Yang Berhormat yang menyatakan Badan Pencegah Rasuah tidak berani merapati orang bertaring, saya ingin menyatakan bahawa dakwaan itu adalah tidak berasas sama sekali. Sepanjang rekodnya,

Badan Pencegah Rasuah telah membuktikan bahawa ia telah melaksanakan tugasnya tanpa memilih bulu atau pilih kasih ke atas mereka yang terlibat.

Yang Berhormat Senator Ainon binti Ariffin ada membangkitkan dua perkara mengenai Suruhanjaya Pilihanraya iaitu:

- (a) tingkahlaku kakitangan pilihanraya sama ada kakitangan tetap atau sementara sewaktu mengendalikan pilihanraya; dan
- (b) latihan untuk kakitangan pilihanraya.

Mengenai dengan tingkahlaku kakitangan, suka saya memaklumkan bahawa walaupun terdapat tohmahan-tohmahan yang menyatakan berlakunya penyelewengan dalam mengendalikan pilihanraya di negeri-negeri Kelantan dan Terengganu, dukacita dimaklumkan sehingga hari ini, SPR tidak menerima sebarang aduan rasmi dan spesifik mengenai dengan kejadian penyelewengan itu.

Ingin saya memaklumkan bahawa SPR tidak dapat mengambil tindakan hanya berdasarkan kepada berita-berita dari media massa. Jika ada mana-mana pihak tertentu termasuk Yang Berhormat sendiri yang mempunyai bukti-bukti mengenai dengan tingkahlaku kakitangan yang mengendalikan pilihanraya tidak menjalankan tugas dengan jujur, aduan-aduan rasmi hendaklah dikemukakan kepada SPR dan saya percaya SPR akan mengambil tindakan sewajarnya. Sehingga hari ini SPR tidak dapat mengenalpasti kakitangan yang menyeleweng bagi membolehkan tindakan diambil kerana tidak ada bukti-bukti yang jelas yang dikemukakan.

Mengenai dengan latihan kakitangan pilihanraya, ingin saya memaklumkan bahawa ketika pengambilan kakitangan-kakitangan bagi membantu pengendalian piiihanraya, SPR sentiasa menentukan bahawa

kakitangan-kakitangan itu tidak terdiri daripada mereka yang aktif dalam mana-mana parti politik. Mereka telah juga diberi arahan dan panduan supaya menjalankan urusan pilihanraya secara adil dan saksama. Kakitangan-kakitangan ini juga telah diberi latihan-Latihan yang intensif terutama berkaitan dengan undang-undang dan peraturan-peraturan yang berkaitan dengan perjalanan pilihanraya.

Apa yang saya tahu, mereka telah menjalaukan tugas dengan baik dan amanah dalam pilihanraya umum yang lalu. Bukti ini adalah berdasarkan kepada kecilnya jumlah petisyen-petisyen pilihanraya yang telah didaftarkan di Mahkamah.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai dengan persempadanan semula yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Mustafa bin Awang, perkara itu tidak berapa jelas. Walaupun di peringkat awal Yang Berhormat itu ada menyentuh tentang urusan persempadanan semula bahagian-bahagian pilihanraya, tetapi sebahagian besar isu yang dibangkitkan adalah menyentuh perkara-perkara seperti banci penduduk dan ke-masukan pendatang haram yang merupakan perkara-perkara di luar bidangkuasa SPR.

Menyentuh tentang urusan persempadanan semula bahagian-bahagian pilihanraya, ingin saya memaklumkan di Dewan yang mulia ini bahawa urusan itu akan bermula pada tahun 1992. Ketika menjalankan urusan tersebut, SPR akan mematuhi prinsip-prinsip yang diberikan dalam Seksyen 2, Bahagian 1, Jadual Ketigabelas, Perlembagaan Persekutuan.

Yang Berhormat Senator Dato' Azumu bin Tak telah meminta SPR mengemaskini kelemahan yang terdapat dalam daftar pemilih termasuklah menentukan tidak ada nama yang tercicir dari dattar pemilih. Dalam hal **ini**, ingin saya memaklumkan bahawa SPR memang mengambil tindakan secara berterusan untuk membaiki kelemahan-kelemahan yang

terdapat dalam dattar pemilih. Di antara aktiviti-aktiviti yang dilakukan ialah menghapuskan pergandaan nama dan nombor kad pengenalan dan juga mengeluarkan nama orang-orang yang telah meninggal dunia. Oleh sebab jumlah pemilih dalam dattar pemilih adalah besar iaitu kira-kira 8 juta nama, maka urusan ini perlu mengambil masa.

Mengenai dengan dakwaan kononnya berlaku keciciran nama dari daftar pemilih, setakat ini belum lagi dikemukakan secara spesitik oleh mana-mana pihak yang membolehkan SPR menjalankan siasatan yang teliti. Suruhanjaya Pilihanraya percaya bahawa nama-nama pemilih yang kononnya tercicir itu sebenarnya ada dalam dattar pemilih. Kemungkinan yang berlaku ialah pemilih itu tidak menjumpai nama mereka di satu-satu tempat mengundi disebabkan tempat-tempat mengundi telah dipindahkan berikutan dengan urusan belah-bahagi daerah meugundi yang dilakukan oleh SPR. Masalah ini mungkin tidak timbul jika pemilih-pemilih itu telah menyemak tempat-tempat mengundi mereka lebih awal melalui perkhidmatan yang disediakan oleh SPR.

Yang Berhormat Senator Hajah Rosnah binti Haji Mohd. Salleh telah mencadangkan supaya anak-anak kapal dagang diberi peluang mengundi secara pos kerana mereka adalah rakyat Malaysia yang layak mengundi. Untuk makluman Yang Berhormat, golongan pengundi-pengundi yang layak mengundi secara pos telah disenaraikan dalam Peraturan-peraturan Pilihanraya Undi Pos Tahun 1959.

Mengikut peraturan tersebut hanya beberapa golongan sahaja yang diberikan keistimewaan untuk mengundi secara pos. Di antara mereka ialah anggota-anggota pasukan bersenjata dan isteri, anggota-anggota polis termasuk anggota-anggota polis hutan dan isteri, kakitangan di Kedutaan Malaysia di luar negeri dan pelajar-pelajar Malaysia yang menuntut di luar negeri. Setakat hari ini anak-anak kapal dagang tidak disenaraikan sebagai mereka yang layak mengundi secara pos. Walau bagaimanapun, ingin saya maklumkan bahawa Suruhanjaya Pilihan-raya sedang dalam proses untuk mengkaji semula peraturan tersebut dan cadangan Yang Berhormat itu akan diberi pertimbangan ketika kajian itu dibuat nanti.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai cadangan Yang Berhormat Senator Puan Ainon bin Ariffin supaya Pusat Islam membeli dan menyebarkan seluas-luasnya buku karangan Al-Ustaz Mohd. Rushdi Yusof yang bertajuk "Darul Arqam Antara Kebenaran dan Kekeliruan" akan diambil perhatian.

Yang Berhormat Senator Tuan Mustafa bin Awang dan Yang Berhormat Senator Puan Hajah Salbiah binti Mohd. Akim telah membangkitkan, antara lain, meminta Bahagian Hal Ehwal Islam memberi penerangan kepada orang ramai seluas-luasnya mengenai apa yang dimaksudkan dengan ajaran sesat dan senaraikan jenis-jenis ajaran sesat yang dikenalpasti serta tindakan yang sesuai diambil ke

atas orang yang menyibar ajaran sesat seperti penjara, sebat atau buang negeri.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri telahpun menerbitkan buku kecil dan menyebarkan kepada orang ramai secara percuma menjelaskan mengenai ajaran sesat sebagai panduan kepada umat Islam di negara **ini**. Nama-nama ajaran yang difatwa sebagai sesat juga disenaraikan dalam buku tersebut. Mengenai tindakan ke atas orang yang menyibar ajaran sesat, undang-undang mengenai perkara ini diperuntukkan dalam Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri dan pihak berkuasa agama Islam dari semasa ke semasa menghadapkan ke mahkamah "orang-orang yang disyaki melakukan kesalahan dan mengenakan hukuman bagi mereka yang didapati sabit kesalahan.

Berhubung dengan saranan Yang Berhormat Senator Puan Ainon binti Ariffin supaya Jabatan Kastam meningkatkan lagi usaha-usaha penguatkuasaan untuk mencegah penyeludupan dadah ke dalam negara, sukacita dimaklumkan bahawa di bawah Rancangan Bertindak Lima Tahun Kedua Anti Dadah negara tahun 1991-1995 yang diselaraskan oleh Pasukan, Petugas Anti Dadah, Majlis Keselamatan Negara, usaha-usaha semua agensi pelaksana anti dadah di negara ini termasuklah Jabatan Kastam akan dipertingkatkan dalam semua bidang termasuklah pencegahan penyeludupan dadah ke dalam negara. Untuk menjayakan usaha-usaha ini sokongan dan kerjasama orang ramai adalah sangat penting sekali.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Puan Law Jack Yoon telah menyarankan supaya Kerajaan melaksanakan program pembangunan sosio-ekonomi yang sama seperti yang dinikmati oleh rakyat termiskin

di kampung-kampung tradisional di dalam kawasan-kawasan yang dahulunya dipanggil kampung baru. Adalah menjadi dasar Kerajaan bahawa usaha membasmi kemiskinan dilaksanakan tanpa mengira kaum dan oleh itu semua rakyat termiskin di mana sahaja mereka tinggal akan diberi perhatian yang saksama.

Yang Berhormat Senator Tuan V.K. Sellappan telah mencadangkan supaya kemiskinan mutlak dihapuskan dalam tempoh Rancangan Malaysia Keenam. Dalam hal ini perlu dinyatakan bahawa adalah menjadi matlamat Kerajaan untuk menghapuskan kemiskinan terutamanya kemiskinan mutlak secepat mungkin. Kerajaan telah menyediakan beberapa program untuk mengatasi masalah kemiskinan dan usaha ini perlu diteruskan di masa-masa akan datang.

Kerajaan percaya dengan perkembangan ekonomi yang pesat usaha ini akan menjadi lebih mudah. Selaras dengan ini usaha yang melahirkan masyarakat penyayang akan terus dilaksanakan. Adalah diharapkan dengan cara ini semua ahli masyarakat daripada berbagai golongan akan dapat memberi sumbangan untuk sama-sama membangunkan negara.

Yang Berhormat Senator Tuan Mustafa bin Awang menyentuh tentang bidang kuasa Jabatan Audit. Untuk makluman Yang Berhormat, tugas dan tanggungjawab Jabatan Audit Negara adalah berdasarkan kepada Akta Audit 1957. Pada umumnya Jabatan ini mengaudit dengan tujuan-tujuan seperti berikut:-

- (a) sama ada langkah berjaga-jaga yang munasabah telah diambil untuk memelihara keselamatan pemungutan dan penjagaan wang awam atau wang lain yang ditakluk kepada auditnya;

- (b) sama ada pengeluaran dan pembayaran wang yang tertakluk kepada auditnya telah dibuat mengikut kuasa yang sepatutnya dan pembayaran telah dipertanggungjawabkan sepatutnya dan disokong dengan baucer atau bukti pembayaran yang cukup.
- (c) sama ada perhatian yang sewajarnya telah diambil untuk mengambil kira dan untuk memastikan penggunaan pengawalan, penyelenggaraan dan pelupusan yang sepatutnya bagi segala setor awam yang tertakluk kepada auditan;
- (d) sama ada segala akaun dan rekod lain telah dan sedang diselenggara dengan betul dan tepat;
- (e) sama ada pada pendapatnya wang telah digunakan untuk maksud-maksud ianya diperuntukkan atau dibenarkan dan aktiviti-aktiviti perhubungan dengan maksud-maksud itu telah dijalankan atau diuruskan dengan cara yang cekap, dengan memberi perhatian sewajarnya terhadap ekonomi dan pengelakan daripada pembaziran atau pemborosan; dan
- (f) sama ada peruntukan - Perlembagaan Persekutuan dan Akta Prosedur Kewangan tahun 1957 dan mana-mana undang-undang bertulis lain berhubung dengan wang atau sektor yang tertakluk kepada auditnya telah dipatuhi dalam segala aspek.

Kenyataan yang memberi gambaran bahawa ada akaun Kerajaan Negeri yang tidak di audit adalah tidak tepat kerana Jabatan Audit menjalankan auditan ke atas Kerajaan Negeri pada tiap-tiap tahun. Walau bagaimanapun, kadang-kadang terdapat kelewatan mengaudit kerana sebab-sebab tertentu seperti akaun lambat dikemukakan kepada Jabatan Audit untuk diaudit.

Mengenai perkara Commonwealth Parliamentary Association (CPA), dengan izin, yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Tuan P. Balaram. Untuk makluman Yang Berhormat, keahlian Parlimen Malaysia adalah berasingan daripada keahlian Dewan-dewan Undangan Negeri di Malaysia di dalam CPA. Dewan-dewan Undangan Negeri adalah menjadi ahli terus kepada CPA sama seperti Parlimen Malaysia. Dan ini bermakna CPA Cawangan Negeri-negeri ini mempunyai hak yang sama dalam CPA dan mereka bukanlah di bawah naungan Parlimen Malaysia. Yang Berhormat mempersoalkan layanan istimewa wakil-wakil Sabah di Mauritius. Untuk makluman Yang Berhormat, itinerary, dengan izin, perjalanan ke persidangan-persidangan CPA adalah diuruskan sendiri oleh Dewan-dewan Undangan Negeri.

Sekiranya wakil Negeri Sabah diberi layanan yang lebih istimewa di Mauritius, ini bermakna mereka telah membuat persiapan yang lebih awal dengan memaklumi Kerajaan Mauritius tentang status ketibaan orang-orang kenamaan Sabah kepada Mauricius. Sekiranya, Timbalan Menteri Besar Selangor tidak diberi layanan yang begitu baik, ini bermaknalah sekretariat CPA Negeri Selangor tidak mengambil tindakan yang sewajarnya untuk meminta keutamaan di Lapanganterbang Mauritius. Walau bagaimanapun, terpulanglah kepada Kerajaan Mauritius untuk memberi apa-apa keistimewaan oleh kerana ini adalati pentadbiran dalaman Mauritius dan bukanlah soal kita untuk memper-

tikaikan sesuatu layanan yang diberikan oleh sebuah negara lain yang berdaulat.

Mengenai hadiah pewter plaque, dengan izin, sumbangan Malaysia kepada CPA setiap tahun seperti yang diterangkan oleh Yang Berhormat, amalan ini dimulakan oleh Yang Berbahagia Dato' Musa Hitam semasa beliau menjadi Pengerusi CPA dan sekiranya Yang Berhormat tidak bersetuju dengan pemberian pewter plaque, dengan izin, sewajarnya perkara ini boleh dibangkitkan dalam Mesyuarat Agung CPA Cawangan Malaysia baru-baru ini ataupun pada nahun hadapan.

Yang Berhormat Senator Tuan Haji Abdul Majid bin Haji Abdullah ada menyentuh tentang urusan pentadbiran ASN tidak licin.

Tuan Yang di-Pertua, Amanah Saham Nasional Berhad telah menyediakan kemudahan pertukaran automatik unit-unit Amanah Saham Nasional ke Amanah Saham Bumiputera berasaakan harga ASN pada 2hb Januari, 1991. Kemudahan ini telah disediakan daripada bulan September hingga 30hb November tahun lalu. Lebih 1.23 juta permohonan telah diproses yang melibatkan 8,138 juta unit. Bagaimanapun, terdapat pelabur-pelabur yang memohon kemudahan ini tetapi tidak dilaksanakan. Antara sebab kenapa urusan pelabur tidak dilaksanakan ialah:-

- (1) Ibu Pejabat ASNB terima borang permohonan lewat dari ejen-ejen. Tarikh tutup kemudahan ini ialah 30hb November tahun lalu.
- (2) Kemudahan pertukaran automatik tidak boleh dilaksanakan sekiranya akaun pelabur tidak teratur.

Sebagai contoh, akaun pelabur mungkin tergantung kerana baki akaunnya di Ibu Pejabat tidak sama dengan baki yang tercatat dalam buku pelaburan. Antara sebabnya ialah Ibu Pejabat ASNB lewat menerima borang urusan yang dibuat di agen-agen kerana agen-agen masih belum mempunyai talian terus ke Ibu Pejabat ASNB.

- (iii) Terdapat juga kes-kes di mana pelabur berkenaan tidak mempunyai akaun Amanah Saham Bumiputera. Oleh itu, urusan pertukaran tergendala.

Bagi pelabur-pelabur yang boleh membuktikan kesahihan permohonan pertukaran automatik, ASN ke ASB iaitu menerusi keratan borang pertukaran lengkap dengan cop agen dan bertarikh sebelum atau pada 30hb November, 1990, urusan pertukaran dilaksanakan di Ibu Pejabat ASNB.

Bagi pelabur yang tidak menyimpan keratan, mereka dikehendaki memberikan surat sumpah sebagai bukti kesahihan permohonan mereka. Keratan borang atau surat sumpah berserta buku pelaburan ASN dan ASB perlu diserahkan kepada Ibu Pejabat ASNB sebelum 20hb Februari ini.

Akhir sekali, saya sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengemukakan teguran, pandangan serta syor-syor menyentuh perkara-perkara di bawah tanggungjawab

Jabatan Perdana Menteri di mana saya tidak dapat menjawab atau menyentuhnya dengan menyebut Ahli-ahli Yang Berhormat yang membangkitkannya, saya mohon maaf. Walaupun begitu, perkara—perkara yang ditimbulkan itu telah dicatat dan akan diberi perhatian. Terima kasih.

Tuan Adam bin Kadir: Terima kasih. Sekarang dijemput Yang Berhormat Timbalan Menteri Dalam Negeri.

5.23 ptg.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Megat Junid bin Megat Ayob]: Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak Yang Amat Berhormat Menteri Dalam Negeri, sukacita saya mengucapkan terima kasih kepada semua Yang Berhormat Senator yang telah memberi pandangan dan teguran ke atas dasar dan masalah di bawah bidang kuasa Kementerian Dalam Negeri. Di antara perkara-perkara yang telah disentuh oleh Yang Berhormat Senator ialah mengenai penyeludupan dan penyalahgunaan najis dadah, penerbitan buku-buku seks dan majalah-majalah lucah, urusan penapisan filem, pendaftaran pertubuhan, pendatang tanpa izin, pakaian seragam polis wanita, penambahan ahli-ahli Pasukan Pertahanan Awam dan kebajikan anggota berpakaian seragam di Jabatan Penjara.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Puan Law Jack Yoon membangkitkan masalah najis dadah yang masih diseludupkan ke negara ini walaupun berbagai tindakan telah diambil oleh Kerajaan untuk membanteras kegiatan tersebut. Beliau menyarankan supaya pihak Kerajaan mengambil langkah dengan lebih tegas untuk menyekat penyeludupan tersebut dan dengan itu dapat melumpuhkan kegiatan pengedar-pengedar najis dadah negara ini.

Seperti Ahli-ahli Dewan sedia maklum, Kerajaan sentiasa menjalankan berbagai tindakan dari segi penguatkuasaan undang-undang, pencegahan dan penulihan supaya ancaman najis dadah ini dapat dihapuskan sepenuhnya di dalam negara ini. Walau bagaimanapun, Kerajaan mengakui bahawa kesalahan-kesalahan ini masih dilakukan dan sindiket-sindiket pengedar masih ada yang beroperasi. Untuk itu, Kerajaan dari satu masa ke semasa sentiasa mempertingkatkan usaha untuk membanteras dan membasmi sepenuhnya pengedaran dan penyalahgunaan najis dadah di dalam negara ini. Langkah-langkah yang lebih serius yang telah dijalankan oleh Kerajaan ialah mengadakan rondaan-rondaan yang lebih kerap di kawasan-kawasan sempadan untuk menghalang kemasukan najis dadah dari luar dan merampas harta-benda dan wang yang diperolehi dari kegiatan tersebut.

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Tuan Mustata bin Awang yang telah mencadangkan supaya Kerajaan menurunkan berat minima dadah yang dimiliki dari 15 gram sekarang kepada 10 gram sahaja bagi membolehkan seseorang itu dikenakan hukuman mati mandatori. Cadangan ini, walaupun satu cadangan yang kecil, akan diberi perhatian sewajarnya kerana Kerajaan ingin mengambil tindakan yang paling berkesan terhadap pengedar-pengedar ini. Dengan pindaan seperti ini, kita akan dapat mempertingkatkan keberkesanan kita terhadap pesalah-pesalah yang tidak bertanggungjawab itu.

Sebentar tadi Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Majid bin Haji Abdullah telah membangkitkan bahawa Yang Berhormat sungguh merasa terkejut bahawa penagih pertama satu bulan negara ini ialah 600 orang. Ini bukan satu perkara yang menakutkan kalau kita bandingkan

pada tahun 1983 dan 1984 hampir 1,000 penagih pertama diperolehi pada satu bulan. Alhamdulillah, keadaan ini telah beransur berkurangan iaitu di antara 500 orang dan 600 orang pada setiap bulan. Itu bermakna antara 5,000 ke 6,000 orang setahun. Dan Yang Berhormat juga meminta supaya pusat-pusat pemulihan harus ditambahi.

Saya merasakan bahawa kalau kita membesarkan lagi atau menambahkan lagi pusat-pusat pemulihan bermakna kita menggalakkan lagi orang penagih dadah. Sepatutnya tindakan yang harus kita lakukan ialah meningkatkan projek-projek pendidikan pencegahan. Ini adalah lebih penting dan apabila kita tingkatkan program-program pendidikan pencegahan, rakyat dan ibu-bapa serta masyarakat memahami masalah dadah ini maka lama-kelamaan pusat-pusat pemulihan ini dari-hari ke hari akan bertambah kecil. Dan saya ingat cogankata kita mencegah sebelum parah juga harus difikirkan oleh Yang Berhormat, tidak guna kita hendak cegah kalau sudah parah. Mungkin kita tukar dicegah sebelum kena, kerana kalau kita kata mencegah sebelum parah, makna dalam erti-kata kita menggalakkan juga seseorang itu menagih dadah hanya setakat jangan parah. Jadi, ini juga harus kita fikirkan dan tindakan-tindakan yang lebih positif ke arah menentukan bahawa masyarakat kita bebas daripada gejala dadah ini dapat kita wujudkan pada masa-masa yang akan datang.

Yang Berhormat Senator Puan Ainon binti Ariffin menimbulkan perkara-perkara yang menyentuh kegiatan-kegiatan Al-Arqam. Berhubung dengan ini sukalah saya memaklumkan bahawa pihak Kementerian sentiasa mengawasi kegiatan pertubuhan tersebut. Tindakan tegas akan diambil sekiranya Kementerian ini mendapati kegiatan-kegiatan yang boleh mengancam keselamatan dan ketenteraman awam negara ini.

Mengenai kebimbangan Yang Berhormat Senator itu terhadap sebaran majalah-majalah, buku-buku dan video yang berunsur seks, Kementerian Dalam Negeri sentiasa mengawal penerbitan-penerbitan sedemikian dan telahpun mengambil tindakan dengan menggantung dan membatalkan majalah-majalah tersebut mengikut lunas undang-undang, khususnya di bawah Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984.

Kadang-kadang, Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya terpaksa melihat buku-buku ini sebelum saya tandatangani bertambun-tambun. Kadangkala oleh kerana niat saya itu elok, tidak kiralah apa yang saya lihat itu tetapi saya terpaksa menjalankan tugas saya. Dan ini memang dilakukan oleh pegawai-pegawai Kementerian Dalam Negeri.

Sehingga hari ini, Kementerian ini dengan kerjasama pihak Polis telah merampas sejumlah besar buku-buku yang berunsur seks dan yang tidak sesuai untuk bacaan murid-murid sekolah khususnya. Namun demikian, pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab iaitu segolongan penerbit telah menggunakan kaedah pemasaran di sebelah malam dengan mengedarkan buku-buku tersebut di pasar-pasar malam. Jadi, saya minta sangatlah Yang Berhormat-Yang Berhormat, saudara-mara masyarakat kalaulah terjumpa buku-buku tersebut, tolonglah membuat Laporan supaya dapat kita mengambil tindakan untuk menyekat penyedaran buku-buku tersebut.

Menyedari hakikat ini, selain daripada merampas mengkaji dan mengharamkan buku-buku yang berunsur seks, pihak Kementerian ini juga bersama-sama dengan pihak Polis Diraja Malaysia sedang mempergiatkan penguatkuasaan di semua peringkat, iaitu di peringkat

pengimport, penerbit dan pencetak dan penjualan bahan-bahan berkenaan. Penjualan buku-buku berkenaan bukan sahaja menjadi satu kesalahan di bawah Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984 tetapi juga menjadi kesalahan di bawah Seksyen 292 Kanun Kesiksaan oleh kerana ianya memudaratkan moral, mereka yang disabitkan kesalahan akan didakwa di mahkamah.

Adalah menjadi harapan Kementerian ini sekiranya Yang Berhormat Senator dan orang ramai memberi kerjasama dengan menyampaikan maklumat-maklumat yang terperinci kepada Kementerian ini untuk tindakan-tindakan cegas seperti yang saya sarankan sebentar tadi.

Mengenai filem-filem yang ditayangkan, Lembaga Penapisan Filem menapis semua filem-filem dan pita video yang disubmitkan mengikut garispuandu yang tertentu dan sentiasa peka atas perlunya memotong bahan-bahan atau adegan-adegan seks, ganas dan yang tidak bermoral. Aktiviti-aktiviti pirate masih berlaku untuk mendapatkan keuntungan. Tindakan penguatkuasaan oleh pegawai-pegawai penguatkuasa dijalankan dari masa ke semasa. Selain daripada Pegawai Lembaga Penapisan Filem, penguatkuasa juga dibuat oleh FINAS, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Polis, aktiviti pencegahan akan terus dijalankan.

Yang Berhormat Senator Mustafa Awang membangkitkan masalah pendatang tanpa izin yang menjalankan berbagai kegiatan jenayah yang telah dilakukan oleh kumpulan tersebut. Beliau menyarankan supaya diperketatkan lagi kawalan di semua pintu masuk dan lain-lain kawasan bagi menyekat kemasukan pendatang tanpa izin ini.

Berhubung dengan perkara ini Kementerian Dalam Negeri sedar kehadiran-kehadiran pendatang tanpa izin termasuk dari Thailand yang menimbulkan bermacam-macam masalah sosial dan keselamatan tetapi belumlah sampai ke tahap yang mengancam negara. Kerajaan akan terus berusaha mengatasi termasuk melancarkan operasi dari masa ke semasa.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator dari tahun 1981 hingga September 1990, bilangan pendatang tanpa izin dari Thailand yang ditangkap ialah seramai 5,235 orang dan bilangan yang diusir ialah seramai 32,493 orang. Mengenai perangkaan pendatang tanpa izin, sukalah saya memaklumkan kepada Yang Berhormat Senator berkenaan bahawa Kementerian ini tidaklah dapat mengeluarkan sebarang angka mengenai bilangan mereka. Kalau adapun ianya adalah anggaran yang dikeluarkan oleh pihak-pihak lain. Bilangan sebenar mereka memang tidak diketahui dengan tepat kerana mereka masuk secara sembunyi-sembunyi dan tidak melalui pintu masuk yang ditetapkan. Kawalan di sepanjang sempadan Malaysia Thailand memang dibuat oleh agensi-agensi di bawah Kementerian ini. Namun begitu, kawalan setiap inci tidaklah dapat dibuat kerana masalah kekurangan tenaga yang dihadapi oleh Jabatan yang berkenaan.

Yang Berhormat Senator Hajah Rosnah binti Haji Mohd. Salleh telah mencadangkan supaya pakaian seragam anggota polis wanita tugas am dipadankan dengan pakaian seragam anggota polis trafik wanita. Sepertimana jawapan yang telah saya berikan di Dewan ini pada 19/2/91 yang lalu, Kerajaan masih mengkaji tentang cadangan untuk menukarkan pakaian seragam polis khususnya anggota polis wanita supaya ianya lebih sesuai dengan keadaan semasa serta bersesuaian dengan dasar penerapan nilai-nilai Islam,

Yang Berhormat Senator Abdul Rashid bin Ismail mencadangkan supaya kebenaran pembakaran mercun bagi apa jua upacara hendaklah dikaji semula kerana ianya mendatangkan lebih banyak keburukan daripada kebaikan.

Berhubung dengan mercun, sukalah saya tegaskan di sini bahawa Kerajaan masih lagi mengekalkan dasar pengharaman pembakaran mercun kecuali beberapa hari tertentu pada musim-musim perayaan tempatan. Perayaan-perayaan yang dimaksudkan itu ialah Hari Raya Puasa, Hari Raya Haji, Tahun Baru Cina, Hari Deepavali, Hari Krismas, Hari Gawai dan sebagainya. Kalau tidak silap malam ini ialah malam kelapan bagi perayaan kaum Hokkien. Ini adalah berasas kepada sikap adil dan toleransi yang sentiasa menjamin hak kebebasan beragama dan mengamalkan tradisi terutamanya dilihat dalam konteks masyarakat Cina. Pada masa kelonggaran pembakaran mercun diberikan, Kerajaan akan mengambil langkah-langkah keselamatan bagi menjamin supaya pembakaran mercun sentiasa dapat dikawal dan tidak mendatangkan kemudaratan sama ada kepada orang awam mahupun harta-benda.

Antara langkah-langkah tersebut ialah dengan mengenakan beberapa syarat tertentu sebagaimana berikut:

- (i) memberikan kebenaran membakar mercun pada masa-masa tertentu di antara jam 12 hingga jam 12.30 tengah malam dan dari jam 7 pagi hingga 10 malam;
- (ii) melarang pembakaran mercun di tempat-tempat awam seperti tempat membeli-belah, di pasar-pasar ataupun di tempat-tempat perhentian awam;
- (iii) melarang pembakaran mercun dan bunga api dari jenis yang merbahaya iaitu yang mengeluarkan letupan yang kuat, mengeluarkan asap yang banyak dan bergerak-gerak ataupun tidak dapat dikawal pergerakannya.

Ini diikuti dengan langkah-langkah menjalankan penguatkuasaan sebagaimana yang diperuntukkan oleh undang-undang dan peraturan-peraturan yang berkaitan dengan mercun. Kerajaan juga sentiasa peka dengan pandangan dan aduan orang ramai mengenai masalah mercun ini. Oleh itu dasar pembakaran mercun sentiasa dikaji dari masa ke semasa. Sekiranya mendapati keadaan tidak sesuai, Kerajaan tidak akan memberi kelonggaran pembakaran mercun itu sepertimana yang telah dibuat pada Hari Raya Puasa dan Hari Deepavali pada tahun 1989 yang lalu.

Yang Berhormat Senator yang berkenaan juga telah membangkitkan kes penyeludupan dadah ke dalam penjara yang melibatkan beberapa orang pegawai penjara sepertimana yang dilaporkan oleh sebuah akhbar tempatan pada tahun lalu. Kerajaan telah dan sedang menjalankan beberapa langkah bagi mencegah pegawai-pegawai penjara menyeludup dadah ke dalam ataupun di dalam penjara. Di antaranya:

- (i) mengeluarkan perintah-perintah tetap dan arahan-arahan dari masa ke semasa bagi membanteras penyeludupan dadah ke penjara dan di dalam penjara;
- (ii) bekerjasama dengan Jabatan Kastam dengan menggunakan anjing-anjing bagi mengesan dadah dalam penjara;
- (iii) bekerjasama dengan Jabatan Polis Cawangan Anti Dadah di setiap negeri bagi mengenalpasti pengedar-pengedar dadah dari kalangan pegawai dan kakitangan penjara;
- (iv) melakukan pemeriksaan yang rapi ke atas pegawai dan kakitangan penjara yang keluar masuk penjara supaya tidak menyeludup dadah;
- (v) mengambil tindakan tegas ke atas pegawai dan kakitangan penjara yang telah terbabit dengan penyeludupan dadah di penjara sama ada dikenakan tindakan tatatertib ataupun dihadapkan ke mahkamah mengikut pembekalan undang-undang yang ada;
- (vi) pemeriksaan kawasan di dalam penjara;
- (vii) mengadakan upacara ikrar oleh pegawai dan kakitangan penjara.;
- (viii) mengadakan syarahan bulanan kepada pegawai dan kakitangan di mana nasihat dan amaran diberi mengenai najis dadah;
- (viiii) melekatkan poster-poster anti dadah di seluruh pelusuk bangunan penjara;
- (x) memberi pendidikan kepada pegawai-pegawai dan kakitangan berkenaan;

- (xi) menguji air kencing;
- (xii) penubuhan unit anjing;
- (xiii) menyediakan peralatan mengesan dadah; dan
- (xiv) mendedahkan pegawai dan kakitangan penjara kepada bahaya dadah melalui Program Drugs Education, dengan izin.

Sejak 1987 hingga 1990 seramai 18 orang pegawai penjara telah dibuang kerja kerana telah melakukan kesalahan bersabit dengan dadah. Tahun 1987 - 2 orang; tahun 1988 - 6 orang; tahun 1989 - 6 orang; dan 1990 - 4 orang.

Yang Berhormat Senator Hajah Salbiah Mohd. Akim memohon pihak Kerajaan supaya memberi perhatian sewajarnya terhadap kebajikan anggota-anggota berpakaian seragam di Jabatan Penjara terutama dari segi urusan kenaikan pangkat anggota-anggota tersebut.

Dalam perkara ini Kerajaan sememangnya sentiasa memberi perhatian yang sewajarnya terhadap kebajikan anggota berpakaian seragam di Jabatan Penjara terutama sekali dari segi kenaikan pangkat.

Sebagai bukti baru-baru ini beberapa urusan kenaikan pangkat telahpun dijalankan, antaranya:

- (i) urusan kenaikan pangkat dari yayasan Ketua Pegawai Penjara ke Ketua Besar Pegawai Penjara; dan
- (ii) urusan kenaikan pangkat dari jawatan Pegawai Penjara Kanan ke Ketua Pegawai Penjara.

Sebanyak 4 kenaikan pangkat telah dirancang untuk dilaksanakan pada 1991. Urusan-urusan kenaikan pangkat tersebut ialah:

- (i) Penolong Penguasa Penjara Tingkatan Biasa ke Penolong Penguasa Penjara Tingkatan Kanan;

- (ii) Penguasa Penjara Tingkatan Biasa ke Penguasa Penjara Tingkatan Kanan;
- (iii) Pegawai Penjara Tingkatan I ke Pegawai Penjara Tingkatan Kanan; dan
- (iv) Pegawai Penjara Tingkatan II ke Pegawai Penjara Tingkatan I.

Diaamping itu juga beberapa langkah telah dijalankan bagi menjaga kebajikan mereka seperti:

- (i) mewujudkan Persatuan Pegawai-pegawai Penjara;
- (ii) mewujudkan Koperasi Penjara;
- (iii) menyediakan Akaun Amanah Penjara;
- (iv) menyediakan Tabung Derma Khairat Kematian;
- (v) mewujudkan Majlis Sukan Penjara;
- (vi) mengadakan Tabung Bantuan Penjara Tan Sri Murad iaitu bantuan kepada anak-anak Pegawai Penjara; dan
- (vii) menubuhkan Persatuan Isteri-isteri Pegawai Penjara.

Yang Berhormat Senator Dato' Azumu Tak telah mencadangkan supaya lebih ramai belia-belia diambil untuk menganggotai Pasukan Pertahanan Awam serta elaun yang diberi ditambah sebagai satu galakan kepada mereka. Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator kerana menyentuh mengenai Jabatan Pertahanan Awam.

Untuk makluman Yang Berhormat, pada masa ini Jabatan Pertahanan Awam sedang berkempen untuk mengambil ahli-ahli baru bagi menganggotai Pasukan Perkhidmatan Awam. Oleh itu, belia-belia yang berminat bolehlah menyertai pasukan tersebut.

Mengenai dengan cadangan menaikkan kadar elaun untuk pasukan tersebut, untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan sedang mengkaji cadangan tersebut.

Sebentar tadi Yang Berhormat Senator Ng Peng Hay telah membangkitkan masalah rakyat kita yang pulang dari Taiwan. Perkara ini akan diambil perhatian oleh Kementerian terutama Jabatan Imigresen di mana kes-kes mereka akan dikaji dengan teliti mengikut kes demi kes dan akan dipastikan tiada siapa yang teraniaya.

Sekali lagi saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua Yang Berhormat Senator yang telah mengemukakan pandangan dan teguran masing-masing mengenai pelbagai isu dan masalah di bawah bidang Kementerian Dalam Negeri.

Saya telahpun memberikan penjelasan-penjelasan di atas beberapa perkara yang telah dibangkitkan dan bagi pandangan dan teguran yang tidak sempat dijawab di Dewan ini, saya memberi jaminan bahawa ianya insya Allah akan diberi perhatian sewajar oleh Kementerian. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Adam bin Kadir: Dijemput Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat.

5.40 ptg

Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat [Dato' Napsiah binti Omar]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyentuh tentang perkara-perkara di bawah Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat. Memandangkan bahawa Kementerian ini baru diwujudkan, segala pandangan dan cadangan yang telah dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat adalah sangat dihargai dan akan diberi perhatian yang serius dan diambil-kira dalam menjalankan tugas, tanggungjawab dan amanah yang telah diberikan kepadanya.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat yang telah mencadangkan supaya memperluaskan dan memperbaiki program-program perpaduan, khususnya, di bandar-bandar besar. Untuk makluman Dewan yang mulia **ini**, Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat senantiasa memberi perhatian kepada kawasan-kawasa bandar, khususnya dari segi memperluaskan pengwujudan jawatankuasa-jawatankuasa Rukun Tetangga di kawasan-kawasan perumahan. Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat berpendapat bahawa Rukun Tetangga merupakan salah satu **institusi sosial** yang penting dalam usaha Kerajaan untuk meningkatkan lagi perpaduan di kalangan masyarakat kita.

Pada tahun 1990, bilangan kawasan Rukun Tetangga adalah sebanyak 1,067, iaitu tambahan sebanyak 33 kawasan jika dibanding dengan tahun 1989. Bagi tahun 1991 pula, Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat sedang merancang untuk menambah lagi sebanyak 20% daripada jumlah kawasan Rukun Tetangga yang sedia ada. Kementerian juga sedang berusaha untuk memastikan bahawa jawatankuasa-jawatankuasa Rukun Tetangga akan bergerak dengan lebih aktif lagi. Untuk tujuan ini jawatankuasa-jawatankuasa tersebut akan diberi garis panduan tentang program dan perkhidmatan yang boleh diusahakan di dalam bidang-bidang tertentu seperti sosial, rekreasi, sukan, kebajikan, kebudayaan, ekonomi, kesihatan, alam sekitar dan pendidikan tidak normal.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan orang-orang tua, adalah benar bahawa hubungan kekeluargaan adalah semakin renggang pada masa ini. Ini adalah disebabkan bahawa sistem kekeluargaan lanjutan telah semakin berkurangan dengan munculnya keluarga nuklear di bandar-bandar akibat dari golongan muda berhijrah ke bandar-bandar untuk mencari pekerjaan. Namun demikian, kajian yang dibuat menunjukkan bahawa hubungan kekeluargaan antara anak dan ibu-bapa masih terjalin iaitu dengan adanya sumbangan kewangan dari anak-anak kepada ibu-bapa dan juga anak-anak sering melawat ibu-bapa mereka di kampung-kampung.

Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat juga sedang berusaha untuk memelihara kebajikan orang-orang tua yang tidak berwaris atau miskin. Salah satu daripada perkhidmatan yang diberi ialah pemberian skim-skim bantuan kewangan seperti Bantuan

Orang Tua. Tujuan utama bantuan orang tua soalan bagi membolehkan orang-orang tua yang tidak mempunyai sanak-saudara tinggal di dalam masyarakat mereka di kampung-kampung. Di samping itu, Kementerian ini juga mengendalikan beberapa Rumah Orang-orang Tua. Dari segi jangka masa panjang, Kementerian berpendapat bahawa masyarakat kita, khususnya jenerasi muda perlu dididik tentang budaya ikram supaya di antara lain nilai-nilai tradisi masyarakat kita tentang hubungan kekeluargaan antara anak dan ibu-bapa tidak terjejas. Ke arah tujuan ini, kempen "Keluarga Bahagia" telah dilancarkan dalam tahun 1990 dan akan diusahakan secara berterusan.

Berhubungan dengan penganiayaan kanak-kanak, saya ingin mengucapkan terima kasih atas sokongan Ahli-ahli Yang Berhormat terhadap langkah-langkah yang sedang diusahakan, khususnya perkhidmatan talidera. Tentang cadangan supaya diadakan hukuman yang lebih berat terhadap mereka yang menganiaya kanak-kanak, suka saya menjelaskan bahawa walaupun hukuman yang berat adalah penting dan akan diberi tumpuan oleh Kementerian, yang sama penting ialah perkhidmatan pemulihan seperti kaunseling, bantuan kewangan dan sebagainya yang harus diberi kepada mereka yang terlibat dalam masalah ini. Oleh yang demikian pendekatan Kementerian ini terhadap masalah penganiayaan kanak-kanak adalah secara Lebih keseluruhan dan merangkumi bukan sahaja langkah-langkah pencegahan tetapi juga langkah-langkah pemulihan.

Berhubung dengan Pertubuhan Kebajikan Orang-orang Cacat pula, untuk makluman Dewan yang mulia ini, dalam tahun 1990 Kementerian telah memberi grant sebanyak \$1.4 juta kepada 47 buah Pertubuhan

Orang Cacat. Pembayaran grant tersebut juga adalah selaras dengan dasar Kerajaan bahawa kebajikan adalah tanggungjawab bersama dan tujuan grant tersebut ialah untuk membantu Pertubuhan-pertubuhan tersebut menjalankan perkhidmatannya.

Mengenai perkhidmatan yang dikendalikan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat untuk orang-orang cacat, suka saya menjelaskan secara ringkas bahawa golongan ihi diberi beberapa jenis bantuan seperti grant pelancaran untuk menjalankan perusahaan kecil, elaun pekerja cacat untuk membantu mereka kekal di dalam pekerjaannya dan mereka juga diberi alat-alat tiruan dan alat-alat orthopaedic. Kerajaan juga telah mengadakan dasar di mana 1% peluang pekerjaan di sektor awam telah dikhaskan untuk golongan ini. Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat juga sedang mengkaji kemudahan-kemudahan yang diperlukan oleh orang-orang cacat di bangunan-bangunan awam, tempat-tempat umum dan pengangkutan awam. Tujuan semua usaha ini ialah untuk membolehkan orang-orang cacat lebih ber-dikari dan lebih berintegrasi dengan masyarakat umum.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat atas segala ulasan dan cadangan yang telah dikemukakan berkaitan dengan per-untukan bagi Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat. Terima kasih.

Tuan Adam bin Kadir: Saya menjemput Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar.

5.48 ptg.

Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar [Tuan Mohd. Yasin bin Kamari]: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya bagi pihak Yang Amat Berhormat Menteri Pembangunan Luar Bandar ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membangkitkan perkara-perkara di bawah bidang kuasa

Kementerian Pembangunan Luar Bandar dalam perbincangan mengenai dasar-dasar Am Belanjawan 1991 yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan pada 18hb Februari, 1991 yang lalu.

Saya suka memberikan penjelasan ke atas perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat, khususnya mengenai infrastruktur luar bandar, program pemulihan rumah bagi golongan termiskin, peranan Bahagian Kemajuan Masyarakat atau KEMAS dan perkara-perkara yang menyentuh bidang kuasa Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA), Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA) dan Jabatan Hal Ehwal Orang Asli (JHEOA).

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator P. Balaram telah menyentuh mengenai peranan yang sepatutnya dijalankan oleh Bahagian kemajuan Masyarakat atau KEMAS. Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, izinkan saya menjelaskan bahawa adalah tidak benar sama sekali bahawa KEMAS hanya bekerja kuat dan bergiat usaha menjelang pilihan-raja sahaja dan selepas itu kurang bergiat. Sebenarnya KEMAS pada sepanjang masa bekerja untuk mencapai objektifnya, iaitu bagi meningkatkan kualiti hidup rakyat Malaysia, terutamanya rakyat luar bandar di dalam bidang sosio-ekonomi melalui pengubahan sikap ke arah berdikari, penambahan pengetahuan, kemahiran dan ekonomi untuk mencapai matlamat membangunkan manusia ke tahap kecemerlangan. Sehubungan dengan kelas-kelas pra-sekolah, KEMAS akan mendirikan kelas-kelas tersebut di ladang-ladang atau di estet-estet di mana terdapat bilangan murid yang mencukupi setelah mendapat peruntukan daripada Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Mustafa bin Awang membangkitkan pula masalah mengenai Program Pemulihan Rumah (PPR) yang memberi bantuan bagi membaik pulih rumah kepada rakyat termiskin dan perhubungan yang lebih baik di antara Kementerian ini dengan Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat.

Berhubung dengan masalah ini, saya ingin menyatakan bahawa sehingga saat ini pihak Kementerian tidak menerima sebarang aduan mengenai diskriminasi dalam pemilihan peserta-peserta di bawah Program Pemulihan Rumah. Oleh yang demikian, sekiranya Yang Berhormat mempunyai maklumat mengenai perkara ini dan tempat berlakunya, saya pohon dapat kiranya dimaklumkan ke Kementerian. Pihak Kementerian juga telah memberi garis panduan kepada Kerajaan Negeri supaya di peringkat kampung, Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung turut terlibat sama dalam mengenalpasti keluarga-keluarga termiskin dalam kampung-kampung masing-masing yang perlumendapat bantuan pemulihan rumah. Saya juga menyambut seruan Yang Berhormat agar kerjasama yang lebih erat dijalin di antara Kementerian Pembangunan Luar Bandar dengan Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat. Sebenarnya sudah menjadi dasar semua agensi Kerajaan untuk bekerjasama dan bersefahaman dalam melaksanakan projek-projek pembangunan negara.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator V.K Sellappan, Yang Berhormat Senator -Itam Wali dan Yang Berhortnat Senator Haji Abdul Majid bin Haji Abdullah telah menyentuh mengenai penglibatan kaum India, kaum Orang Asli di rancangan-rancangan tanah FELDA dan usaha naik taraf jalan-jalan di kawasan-kawasan rancangarr-rancangan FELDA. Saya ingin menjelaskan bahawa di rancangan-rancangan tanah FELDA, memang terdapat kaum India sebagai peneroka dan permohonan mereka menang dipertimbangkan untuk menjadi peneroka FELDA. Pada masa ini terdapat seramai 1830 keluarga keturunan India di rancangan-rancangan tanah FELDA iaitu merupakan 1.5% daripada jumlah bilangan keluarga peneroka yang ada. Kekurangan penyertaan kaum bukan bumi-putera adalah disebabkan kurangnya permohonan yang diterima daripada

kaum-kaum tersebut di peringkat awal penubuhan FELDA dan juga oleh kerana sebahagian daripada kawasan tanah rancangan adalah terletak di dalam kawasan simpanan Melayu. Oleh yang demikian, soal jumlah- di sesuatu rancangan itu dan jauh dekatnya daripada tempat asal mereka adalah satu perkara yang berasingan.

Untuk makluman Yang Berhormat, kaum-kaum lain seperti kaum Melayu dan kaum Cina yang menduduki rancangan tanah FELDA di sesebuah negeri itu kadang-kadang berasal dari negeri lain seperti peneroka Kelantan yang menduduki rancangan tanah di Pahang. Kerajaan juga buat masa ini tidak bercadang untuk mengadakan rancangan-rancangan. khas bagi mana-mana kaum kerana ini adalah bertentangan dengan Dasar Integrasi Nasional.

Mengenai usul mengambil Orang Asli awam dan Orang Asli bekas perajurit secara khusus sebagai peneroka, Kerajaan tidak dapat menerima cadangan ini kerana pemilihan peserta rancangan adalah tertakluk kepada syarat kelayakan seperti had umur dan keupayaan fizikal untuk mengendalikan kerja-kerja di ladang.

Mengenai sistem pengurusan rancangan cara baru, langkah pelaksanaannya telahpun pengambilan mulai 1 Januari 1990 dan pengambilan peserta akan dimulakan pada pertengahan tahun 1991 ini. Mengikut kaedah pengurusan tanah yang baru ini, kawasan ladang adalah diuruskan oleh sebuah syarikat dan peserta-pesertanya adalah sebagai pekerja yang dibayar upah bagi jumlah dan jenis kerja yang dijalankan. Selain dari itu, mereka juga adalah sebagai pemegang saham yang memiliki tidak lebih dari 50% saham dalam syarikat. Sistem baru ini akan dapat mengatasi masalah-masalah seperti masalah pendapatan yang turun naik dan berbeza-beza mengikut harga pasaran dan produktiviti. Ia juga dapat memberikan jaminan pendapatan yang stabil dan baik sepanjang masa.

Tuan Yang di-Pertua, berkaitan dengan naik taraf jalan di rancangan tanah FELDA, saya ingin menjelaskan bahawa FELDA mengadakan program ini ke atas jalan-jalan yang belum diturap tar sahaja. Bagi jalan-jalan yang sudah elok ianya bukanlah dalam program naik taraf jalan tetapi merupakan kerja penyelenggaraan oleh Jabatan Kerja Raya .

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Chong Chi Siong telah membangkitkan isu bantuan tanam semula pekebun kecil di kawasan Jempol yang terletak di bawah bidang kuasa RISDA yang telah tidak mendapat jawapan selepas 2 tahun membuat permohonan. Berhubung dengan isu yang dibangkitkan ini, insya Allah, pihak Kementerian saya akan menyiasat kedudukan yang sebenarnya. Jika perlu saya akan meminta RISDA mengambil tindakan untuk membuat keputusan segera mengenai perkara ini. Saya ingin mengambil peluang ini untuk mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Jempol di atas usul tersebut yang mana amat menarik perhatian saya. Memanglah menjadi tujuan saya agar RISDA menyegerakan bantuan-bantuan tanam semula kepada pekebun-pekebun kecil getah yang memerlukan. Bagi pihak Kementerian, memang menggesa supaya apa-apa tindakan untuk memperbaiki kegiatan ekonomi penduduk luar bandar dilaksanakan dan ia adalah satu perkara yang amat penting,

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhonnat Senator Itam Wali telah menyentuh dengan panjang lebar mengenai rnasyarakat dan kawasan Orang Asli yang masih jauh ketinggalan dari segi pembangunan. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih di atas perhatian Yang Berhormat dalam hal-hal yang berkaitan dengan Orang Asli. Sebagai warganegara Malaysia, mereka juga memang harus mendapat faedah dari

pembangunan negara dan seperti yang termaklum, memang menjadi tugas Kerajaan untuk membasmi kemiskinan tanpa mengira kaum.

Rancangan-rancangan pembasmian kemiskinan memang terus dijalankan dan akan terus diberikan perhatian oleh pihak Kerajaan. Berhubung dengan status tanah kediaman dan tempat menjalankan kegiatan ekonomi yang dikatakan menimbulkan kurang minat agensi pembangunan tanah dan sering diminta keluar daripada kawasan masing-masing, saya suka menjelaskan bahawa di dalam banyak aktiviti-aktiviti ekonomi seperti pembangunan tanah yang telah diluluskan bagi Orang Asli, agensi-agensi pembangunan tanah di bawah Kementerian seperti FELCRA memang terlibat bagi membangunkan kawasan-kawasan ini. Banyak penglibatan FELCRA dalam pembangunan kawasan Orang Asli yang telahpun dirizab untuk pembangunan Orang Asli seperti di Perak, di Kelantan dan di Pahang. Walau bagaimanapun, Jabatan Hal Ehwal Orang Asli pada masa ini sedang mengkaji semula Akta Orang Asli 1954 dan mengambil kira perkara-perkara yang berhubungan dengan tanah.

Dari segi soal Orang Asli disuruh keluar daripada kawasan mereka yang menyebabkan mereka terpaksa berpindah randah, soal ini ditimbulkan ialah atas perizaban kawasan tersebut. Kementerian melalui Jabatan Hal Ehwal Orang Asli ataupun JHEOA akan terus menerus merundingkan dengan Kerajaan Negeri di atas pewartaan kawasan-kawasan ini dan apabila ianya telah diwartakan, maka JHEOA bolehlah mengambil langkah-langkah membangunkannya dengan menggunakan agensi pembangunan tanah yang lain seperti FELCRA dan badan-badan lain yang berkaitan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat kawasan Hulu Kelantan adalah merupakan salah satu kawasan yang mempunyai banyak pembangunan dan sana ada masyarakat Orang Asli di sana terlalu terpengaruh dengan wang bagi maksud memancing undi sukar untuk dikaitkan dengan kedudukan kemiskinan.

Yang Berhormat juga adalah diharapkan untuk sama-sama memberikan kerjasama bagi menentukan hala pemikiran mereka dan seharusnya menunjukkan kesyukuran keatas pembangunan yang dijalankan di kawasan masing-masing.

Mengenai potensi membangunkan kawasan-kawasan Orang Asli dan masyarakatnya sebagai tujuan istirehat, mendapatkan pengalaman adventure, dengan izin, dan memperkenalkan alat-alat perburuan mereka, usaha-usaha seumpama ini sememangnya sudah dijalankan . Sebagai contohnya , Koperasi Kijang ada menjalankan ekspedisi-ekspedisi membawa pelancong dari satu tempat ke satu tempat dan ini mendapat sambutan yang amat menggalakkan dari pelancong-pelancong.

Tuan Yang di-Pertua, demikianlah sahaja jawapan saya ke atas perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang terhormat yang menyentuh Kementerian Pembangunan Luar Bandar.

Suka juga saya menegaskan di sini bahawa Kementerian Pembangunan Luar Bandar akan terus berusaha bagi mencapai objektifnya untuk meningkatkan taraf sosio ekonomi penduduk kawasan luar-bandar di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat]**

Bagi perkara-perkara lain yang tidak sempat dijawab di sini Kementerian saya insya Allah akan mengambil perhatian dan tindakan yang sewajarnya.

Sekali lagi saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membangkitkan perkara-perkara yang menyentuh Kementerian Pembangunan Luar Bandar.

Tuan Yang di-Pertua: Sekarang saya menjemput Menteri daripada Kementerian Pengangkutan untuk memberi jawapan.

6.05 ptg.

Timbalan Menteri Pengangkutan [Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail]: Tuan Yang di-Pertua, sukacita saya bagi pihak Menteri Pengangkutan mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli, Yang Berhormat yang telah mengemukakan pandangan-pandangan, teguran-teguran dan syor-syor mereka mengenai perkara-perkara di bawah bidangkuasa Kementerian. Pengangkutan, sepanjang perbahasan atas Rang Undang-undang Perbekalan 1991 di Dewan yang mulia ini.

Sukalah saya memberikan jaminan bahawa segala pandangan, teguran dan syor yang telah dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat akan dikaji dengan teliti dan diberikan pertimbangan yang sewajarnya oleh Kementerian Pengangkutan. Bagaimanapun izinkanlah saya memberikan penjelasan dan jawapan kepada perkara-perkara yang telah dibangkitkan.

Yang Berhormat Senator Tuan Mustata bin Awang telah mengucapkan tahniah kepada Kementerian Pengangkutan kerana telah membina jeti di pulau-pulau untuk kemudahan perhubungan orang awam. Walau bagaimanapun beliau meminta agar lebih banyak lagi jeti di pulau-pulau yang tidak mempunyai jeti itu dibina.

Untuk makluman, sehingga akhir tahun 1990 Jabatan Laut telah membina 6 jeti di beberapa tempat di seluruh Semenanjung Malaysia di bawah Rancangan Malaysia Keempat dan Kelima. Tempat-tempat tersebut adalah Pulau Dayang Bunting, Langkawi, Kuah, Pulau Langkawi, Kedah, Teluk Eva, Pulau Langkawi, Lumut, Perak, Pulau Pangkor, Perak, dan Kuala Kedah, di Kedah. Sementara itu terdapat pula 12 lagi jeti yang masih dalam peringkat pembinaan. Jeti-jeti tersebut adalah seperti berikut iaitu:

- (1) Pulau Ketam, Selangor;
- (2) Pulau Lumut, Selangor;
- (3) Pelabuhan Kelang, Selangor iaitu Jeti Shah Bandar;
- (4) Bagan Datuk, Perak;
- (5) Kukup, Johor;
- (6) Johor Bahru, Johor jeti Shah Bandar;
- (7) Mersing, Johor;
- (8) Kampung Tekek, Pulau Tioman, Pahang;
- (9) Kampung Mukut, Pulau Tioman, Pahang;
- (10) Kuala Besar, Kelantan;
- (11) Pulau Besar, Melaka; dan
- (12) Kuala Terengganu, di Terengganu iaitu jeti Shah Bandar..

Di bawah Rancangan Malaysia Keenara pula terdapat juga perancangan bagi membaikpulih dan membina beberapa lagi jeti-jeti. Walaupun terdapat banyak tempat yang memerlukan jeti dan juga beberapa jeti yang memerlukan pembaikan, hanya jeti-jeti yang terpenting dari segi keperluan dapat diberi keutamaan. Ini adalah

kerana kos bagi pembinaan jeti adalah amat tinggi dan begitu juga kos pembaikan. Pada amnya kos bagi pembinaan jeti di pulau telah meningkat hampir kepada S3 juta hanya untuk seruan jeti asas.

Yang Berhormat Senator Puan Hajah Rosnah binti Haji Mohd. Salleh telah bertanya mengenai Akademi Laut Malaysia (ALAM). Yang Berhormat bertanya apakah taraf kelulusan setelah menamatkan kursus Akademi Laut, adakah ianya sama taraf dengan Sarjana Muda dari Universiti atau Diploma ataupun Sijil dari Politeknik? Adakah sijil-sijil dari ALAM ini diiktiraf di Malaysia sahaja atau juga di luar Malaysia?

Untuk makluman Dewan ini, ALAM menyediakan Kursus-kursus Persediaan Pra-Pelayaran dan bagi memperolehi Sijil Kecekapan atau, dengan izin, Competency Certificate yang dikeluarkan oleh Jabatan Laut bagi pihak Kerajaan Malaysia. Selain dari itu ALAM turut mengendalikan dan mengeluarkan Sijil bagi kursus-kursus pendek atau Modular Courses, dengan izin, serta Sijil bagi kursus-kursus Pra-Laut. Terdapat 49 jenis kursus di bawah bidang-bidang tertentu. Misalnya kursus Pra-Laut Rating dan kursus Pra-Laut Marine Radio, Kursus Persediaan Notical, Kursus Persediaan Kejuruteraan Marine dan Modular Courses, dengan izin, iaitu kursus-kursus yang tertentu bagi subjek-subjek yang khusus.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Puan Hajah Habidah binti Jusoh telah menyentuh mengenai pembangunan pesat industri di negeri Terengganu yang memerlukan rangkaian pengangkutan yang mencukupi iaitu darat, udara dan laut. Yang Berhormat juga mencadangkan supaya Kementerian Pengangkutan mengadakan rangkaian keretapi di negeri Terengganu agar perhubungan dengan Kuala Lumpur dan Pantai Barat Semenanjung menjadi lebih mudah.

Sebenarnya Kerajaan pada masa ini belum bercadang untuk mengadakan rangkaian keretapi di negeri Terengganu. Bagaimanapun pada masa ini terdapat keadaan rangkaian perhubungan jalan raya yang baik di antara negeri Terengganu dan negeri-negeri lain dan didapati bahawa setakat ini ianya adalah memadai.

Yang Berhormat juga telah menyentuh mengenai keselamatan jalan raya di mana beliau mengatakan terdapat pemandu-pemandu tidak berhati-hati, mabuk, memotong di tempat yang tidak dibenarkan, membawa lebih muatan dan kenderaan tidak diselenggarakan dengan betul. Di samping itu beliau juga menyentuh mengenai keadaan fizikal jalan raya terdapat selekoh-selekoh sempit dan tidak ada papantanda, dan meminta Kementerian Pengangkutan supaya mengambil tindakan untuk mengatasi masalah ini dengan mengkaji semula ujian memandu menambah penguatkuasaan dan menambah alat pengesan kelajuan yang mudah bergerak.

Sebenarnya untuk pengetahuan Yang Berhormat dan juga Dewan yang mulia ini, Kementerian Pengangkutan sentiasa memberikan perhatian yang serius mengenai keselamatan jalan raya, bahkan Kerajaan sendiri iaitu Kabinet sendiri telah menubuhkan satu Jawatankuasa Kabinet mengenai keselamatan jalan raya yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhonnat Perdana Menteri sendiri dan Jawatankuasa ini yang ditubuhkan dalam bulan April 1990 telah menetapkan satu matlamat iaitu mengurangkan kemalangan jalan raya hingga ke tahap 30% pada tahun 2000. Usaha-usaha sedangpun dijalankan iaitu Akta Pengangkutan Jalan 1987 telah memasukkan segala perkara yang bersabit dengan yang telah disentuh oleh Yang Berhormat dan juga langkah-langkah lain, misalnya pindaan kepada Akta dan juga peraturan-peraturan

lalulintas, mengadakan kaedah-kaedah. bagi setiap perkara yang dimaksudkan, meningkatkan denda dan kompaun dan juga mengadakan melalui Majlis Keselamatan Jalan Raya, kempen-kempen, ceramah-ceramah mengenai keselamatan jalan raya bermula dari peringkat pra-sekolah, sekolah rendah, sekolah menengah kepada kumpulan-kumpulan sasaran, misalnya pemandu-pemandu kenderaan awam dan juga pemandu-pemandu dari Kementerian-kementerian, agensi-agensi Kerajaan dan swasta.

Baru kelmarin saya telah menjawab soalan mengenai keselamatan jalan raya di mana saya telah menyebut 10 langkah bagi menentukan dan mengurangkan kemalangan di jalan raya.

Yang Berhormat Puan Hajah Habidah juga menyentuh mengenai penguatkuasaan supaya meningkatkan penguatkuasaan. Sebenarnya pihak Jabatan Pengangkutan Jalan dan juga pihak Polis telahpun berusaha meningkatkan penguatkuasaan. Dari angka-angka yang saya akan beri **ini**, iaitu perbandingan 1989 dengan 1990 kita akan dapat melihat peningkatan penguatkuasaan sebanyak purata 30%, iaitu misalnya bilangan kenderaan yang diambil tindakan tahun 1989 - 47,144, tahun 1990 - 62,749 meningkat 33.1% iaitu tindakan yang kita ambil kepada kenderaan-kenderaan yang ditahan kerana melakukan kesalahan-kesalahan satu atau lebih kesalahan.

Keduanya, bilangan kesalahan yang dilakukan iaitu 54,594 kesalahan dilakukan pada tahun 1989 yang telah dapat kita ambil tindakan dan tahun 1990 - 69,380 kesalahan. Bilangan kes keseluruhannya ialah 52,523 kes bagi tahun 1989 dan 64,087 kes bagi tahun 1990. Ini bererti bahawa Jabatan Penguatkuasaan telahpun meningkatkan tugas dan kerja masing-masing untuk membanteras gejala-gejala yang menyebabkan kemalangan jalan raya yang seringkali saya sebutkan berpunca sebenarnya daripada kecuaiian manusia.

Kementerian Pengangkutan juga telah mengambil tindakan untuk menguatkuasakan Kurikulum Baru Sekolah Memandu iaitu mulai 1hb Februari, 1991. Di bawah Kurikulum Baru Sekolah Memandu ini, dititikberatkan pemanduan berhemat atau, dengan izin, defensive driving, iaitu untuk melahirkan pemandu-pemandu yang cekap, berhemat iaitu boleh menjangka jarak jauh antaranya dengan kenderaan yang lain dan dapat mengelakkan kanalangan, iaitu berhemat dengan dapat mengelakkan kemalangan dan bertanggungjawab apabila memandu.

Sering dikatakan bahawa orang Malaysia ini semuanya baik-baik belaka, lembut-lembut dan sebagainya, tetapi bila di belakang steering, mereka menjadi ganas. Ada di dalam berita suratkhbar dikatakan, "the ugly Malaysian". Itu pandangan daripada pelawat dari luar negeri. Untuk mengelakkan supaya imej pemandu di Malaysia ini tidak dianggap sedemikian oleh orang luar, maka kita telahpun menguatkuasakan Kurikulum Baru Sekolah Memandu ini dan kita juga mahukan pemandu-pemandu yang dilahirkan itu pertimbangrasa kepada pengguna-pengguna jalan raya yang lain, kerana saya sendiri sering mendapat aduan daripada orang ramai, kata mereka pemandu-pemandu terutamanya pemandu-pemandu kenderaan berat kadang-kadang cuba bully

kenderaan-kenderaan kecil tidak boleh hendak memotong, dia tidak beri memotong dan sebagainya. Jadi, inilah yang kita hendak supaya pemandu-pemandu kita ini bertimbangrasa kepada pengguna-pengguna jalan raya yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, nampaknya itulah sahaja perkara-perkara yang telah disentuh yang berkaitan dengan bidang kuasa Kementerian Pengangkutan dan saya ingin sekali lagi mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi teguran dan syor-syor kepada perkara-perkara yang saya sebutkan tadi dan saya memberikan jaminan sekali lagi bahawa semua yang telah disebutkan itu akan terus diambil tindakan. Terima kasih,

Tuan Yang di-Pertua: Sekarang saya menjemput Menteri dari Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos untuk memberi jawapan.

6.14 ptg.

Menteri Tenaga, Telekom dan Pos [Dato' S. Samy Vellu]: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan atas dasar-dasar Belanjawan 1991 dan seterusnya memberi cadangan, teguran dan syor-syor mengenai perkara-perkara di bawah tanggungjawab Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos. Dalam tempoh perbahasan selama empat hari, Ahli-ahli Yang Berhormat telah menyentuh mengenai penswastaaan pos, masalah telefon dan perkembangan Tenaga Nasional Berhad.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator P. Balam telah menyentuh Tenaga Nasional Berhad yang baru diperbadankan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Tenaga Nasional Berhad adalah bertanggungjawab menyediakan perkhidmatan bekalan elektrik ke

seluruh Semenanjung Malaysia dengan mencukupi, selamat dan dengan harga yang munasabah. Tanggungjawab ini adalah termaktub dalam syarat lesen TNB. Di samping itu, TNB juga disyaratkan dengan Program Bekalan Elektrik Luar Bandar atau lebih dikenali sebagai PELB seperti yang dipersetujui oleh Kerajaan pada 31hb Ogos 1990. Program PLB di seluruh Semenanjung Malaysia akan diselesaikan dalam tempoh Rancangan Malaysia Keenam dari tahun 1991 sehingga 1995. Oleh itu perkhidmatan bekalan elektrik ke luar bandar dan kawasan pendalaman akan dilaksanakan oleh TNB.

Ahli Yang Berhormat yang berkenaan juga telah menimbulkan perkara-perkara mengenai kelambatan menyediakan kemudahan telefon di kawasan taman-taman perumahan, Memang diakui perkara seumpama ini berlaku di beberapa kawasan, tetapi ia bukanlah kerana pihak STM tidak peka kepada keperluan rakyat dan sengaja tidak mahu mengeluarkan belanja bagi menyediakan kemudahan itu.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Telekom Malaysia telahpun menyediakan satu rancangan yang konkrit bagi pembangunan telekomunikasi di negara ini khususnya rancangan pembangunan telekomunikasi luar bandar. Dalam tempoh Rancangan Malaysia Keenam, Telekom Malaysia telah memperuntukkan sejumlah 31.72 bilion atau 16% daripada jumlah keseluruhan perbelanjaan modal syarikat sebanyak \$10.7 bilion untuk pembangunan kemudahan telekomunikasi luar bandar dan kawasan pinggir bandar. Pembangunan kemudahan telekomunikasi adalah satu urusan yang berterusan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, saya sendiri akan memastikan bahawa Telekom Malaysia tidak mengabaikan tanggungjawab sosial mereka kepada masyarakat luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Mustafa Awang telah membangkitkan masalah pelaksanaan Rancangan Telefon Awam Luar Bandar. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak Kementerian dengan Telekom Malaysia telah menerima cadangan Rancangan Telefon Awam Luar Bandar dari semua negeri dan suka saya memaklumkan bahawa setelah dikaji, pihak Kementerian telah meluluskan rancangan untuk memasang sebanyak 1,975 buah telefon awam di seluruh negara. Jumlah ini merupakan peningkatan sebanyak tiga kali ganda dari jumlah bagi rancangan dalam tahun-tahun sebelumnya. Pihak Telekom Malaysia akan melaksanakan pemasangannya secara berperingkat-peringkat mulai bulan April ini.

Mengenai masalah kedengaran perbualan orang-orang lain semasa menggunakan telefon, saya percaya ini berlaku semata-mata akibat apa yang dipanggil "cross-talk" atau "cross-line" dan tidak ada kena mengena dengan perbuatan tapping sepertimana yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dalam ucapan beliau. Fenomena ini berlaku bukan sahaja di negara ini tetapi juga di semua pentadbiran telekomunikasi di negara-negara yang lain dari masa ke semasa. Pihak Telekom Malaysia sedia maklum tentang kejadian ini dan akan sentiasa mengambil tindakan untuk mengatasinya.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Mustafa Awang juga telah menyentuh berkenaan dengan penswastan Jabatan Perkhidmatan Pos. Suka saya memaklumkan di Dewan yang mulia ini bahawa Jabatan Perkhidmatan Pos adalah sebuah jabatan yang menguntungkan. Anggaran keuntungan untuk tahun 1990 ialah \$15.9 juta. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jabatan Perkhidmatan Pos akan diswastakan melalui

peringkat perbadanan terlebih dahulu sebelum diswastakan sepenuhnya. Melalui penswastan, Kerajaan yakin keuntungan syarikat pengganti kepada Jabatan Perkhidmatan Pos akan lebih meningkat lagi dan syarikat berkenaan akan dapat bergerak sebagai sebuah badan komersial. Syarikat pengganti akan lebih berdaya saing dan dapat meneroka dan memperkenalkan perkhidmatan-perkhidmatan baru.

Tuan Yang di-Pertua, usaha-usaha ke arah penswastan Jabatan Perkhidmatan Pos telah berpandukan kepada garis panduan Dasar Penswastan Kerajaan. Dalam hubungan ini, Kerajaan telah mengambil kira kepentingan kakitangan Jabatan Pekhidmatan Pos yang akan diswastakan. Kerajaan juga memastikan kepentingan orang ramai. Dalam pelaksanaan penswastan ini, pandangan kakitangan adalah diambil-kira dan Kerajaan akan menentukan bahawa kakitangan tidak akan kehilangan sebarang faedah yang telah mereka nikmati semasa berkhidmat dengan Kerajaan.

Penswastaan Jabatan Perkhidmatan Pos juga telah dapat memenuhi objektif utama dasar penswastaan terutamanya untuk menggalakan pertandingan, meningkatkan kecekapan dan daya pengeluaran, mempercepatkan pertumbuhan ekonomi negara dan mengurangkan saiz dan penglibatan sektor awam dalam ekonomi selaras dengan Dasar Ekonomi Baru.

Tuan Yang di-Pertua, dari segi proses ke arah pelaksanaan penswastaan itu sendiri, Jabatan Perkhidmatan Pos kini telahpun mengamalkan sistem perakaunan perdagangan mulai tahun 1985 dan ia merupakan asas yang kukuh ke arah penswastaan.

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian yang telah mengemukakan pandangan am, teguran masing-masing mengenai pelbagai isu dan masalah di bawah bidang kuasa Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos. Saya telahpun memberikan penjelasan saya ke atas beberapa pandangan dan teguran yang tidak sempat dijawab di Dewan yang mulia ini. Saya meraberi jaminan bahawa ianya akan diberi perhatian yang sewajarnya oleh Kementerian saya. Teritna kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Sekarang saya menjemput Kementerian Perusahaan Utama untuk memberi jawapan.

6.22 ptg.

Timbalan Menteri Perusahaan Utama [Dato' Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor]: Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak Yang Berhormat Menteri Perusahaan Utama sukalah saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyentuh serta memberi pandangan terhadap perkara-perkara yang terletak di bawah

bidang tugas dan tanggungjawab Kementerian Perusahaan Utama sepanjang perbahasan di Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Terengganu, Yang Berhormat Senator Mustafa bin Awang telah mencadangkan supaya Kementerian Perusahaan Utama menitik-beratkan serta menggalakkan eksport barangan siap dari minyak kelapa sawit dan kayu-kayan.

Sukacita dimaklumkan bahawa hal ini memang telah menjadi dasar Kerajaan di mana Kerajaan telah mengecualikan duti eksport minyak sawit yang diproses sebagai langkah menggalakkan eksport bahan-bahan tersebut. Kadar pengecualian duti eksport adalah bergantung kepada tahap pemerosesan yang dilalui oleh minyak sawit itu sebelum ianya dieksport.

Dalam pada itu, sebagai strategi pemasaran adalah baik jika kita membekalkan apa yang diminta oleh para pembeli. Jika para pembeli luar negeri ingin membeli minyak sawit mentah atau minyak sawit separuh proses, pengeksporth Malaysia haruslah bersedia membekalkan barangan jenis yang dikehendaki itu. Jika tidak, maka pembekal-pembekal dari negara lain akan meragut pasaran yang berkenaan dari pengusaha Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan telahpun merancang dan mengambil tindakan bagi menggalakkan pengeksporthan barangan siap kayu-kayan dengan memastikan pertumbuhan dan perkembangan sektor industri kayu hiliran secara teratur dan mempermudah prosedur untuk pengeksporthan.

Langkah-langkah yang telah dijalankan oleh Kementerian bagi maksud ini adalah seperti berikut:-

- (1) Melalui Dasar Pengawalan Eksport bahan mentah seperti:-
 - (a) mengharamkan eksport balak dan rotan mentah dari Semenanjung Malaysia;
 - (b) Mengenakan levi ke atas eksport kayu gergaji yang terpilih dan juga veneer;
- (2) Mengenalpasti tindakan-tindakan bagi menghadapi saingan dari pengeluar barangan siap kayu tropika yang lain. Rancangan dan tindakan-tindakan tersebut adalah seperti berikut:-
 - (a) Bekerjasama dengan Kerajaan-kerajaan Negeri bagi mewujudkan pemusatan perkampungan perabot di pekan-pekan kecil di beberapa buah negeri yang mempunyai bahan-bahan mentah terutamanya untuk mengurangkan kos tanah dan mengelakkan - daripada kekurangan buruh-buruh yang sedang dihadapi oleh kilang-kilang perabot di kawasan-kawasan perindustrian pada masa ini.
 - (b) Kerajaan telah mempelbagaikan dan mengenalpasti pasaran-pasaran baru yang berpotensi, meyakinkan pembeli-pembeli terhadap mutu barangan kayu negara di samping mengenalpasti saluran pasarannya.

- (c) Penekanan keluaran barangan kayu, mengutamakan pilihan pengguna dari segi reka bentuk, pemasaran dan kemas-siapannya.
- (d) Memastikan industri pemerosesan hiliran memperoleh bekalan bahan mentah yang mencukupi dengan harga yang munasabah supaya kos barangan kayu yang dihasilkan dapat bersaing di pasaran antarabangsa. Kajian-kajian sedang dijalankan dengan pihak Kerajaan-kerajaan Negeri bagi raelipatgandakan tanaman getah untuk balak, rotan dan buluh di kawasan-kawasan hutan simpan kekal.
- (e) Mempergiatkan aktiviti penyelidikan pasaran supaya maklumat mengenai pasaran dan kegiatan pembekal saingan dapat dikenalpasti dengan mengedar penerbitan mengenai maklumat-maklumat pasaran kepada pengeksport barangan pemerosesan kayu.
- (f) Mewujudkan Tabung Pembangunan Industri Kayu yang salah satunya adalah bertujuan untuk membantu-menggalakkan pertumbuhan industri hiliran dan pemerosesan barangan siap kayu ke luar negara.

Menyentuh tentang apa yang telah dikeluarkan oleh Yang Berhormat Tuan Ng Peng Hay dari Melaka tentang masalah sisa buangan dari dua buah kilang getah iaitu MARDEC dan MARFEC, maka pihak Kementerian akan terus membuat kajian supaya perkara-perkara yang telah ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat yang berkenaan akan dapat dikurangkan dari semasa ke semasa, Insya Allah sisa-sisa kilang tersebut akan dapat kita mengurangkan daripada mengalir ke dalam sungai menerusi perparitan yang sedang disediakan oleh kedua-dua kilang itu.

Jadi itulah sahaja jawapan yang dapat diberikan oleh saya. Walau bagaimanapun, sekali lagi saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi pandangan terhadap Kementerian ini. Insya Allah, apa juga pandangan yang akan diberi, akan dibuat kajian dan diambil tindakan oleh Kementerian ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Menteri Kerja Raya untuk berucap selama dua, tiga minit sahaja.

6.28 ptg.

Menteri Kerja Raya [Datuk Leo Moggie anak Irok]: Tuan Yang di-Pertua, saya suka mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat, yang telah memberi pandangan terhadap perkara-perkara di bawah bidang tugas Kementerian Kerja Raya.

Tuan Yang di-Pertua, beberapa Ahli Yang Berhormat menyentuh soal infrastruktur di negara kita ini. Suka saya mengambil kesempatan untuk menegaskan sekali lagi bahawa Kerajaan memang dan

akan terus memberi tumpuan untuk menentukan infrastruktur di negara kita ini dibangunkan dengan secepat mungkin yang boleh. Tindakan ini diambil kerana Kerajaan berpendapat sekiranya infrastruktur tidak mencukupi ianya akan mengurangkan pencapaian pembangunan di negara ini. Kerajaan berpendapat infrastruktur ialah pengasas atau catalyst yang dapat mendorong pembangunan negara. Selain dari itu ianya juga memberi kemudahan asas yang akan meningkatkan kehidupan sosio-ekonomi rakyat jelata.

Selari dengan dasar itu, Kerajaan senantiasa mencari jalan untuk mempergiatkan pelaksanaan kemudahan-kemudahan infrastruktur, termasuk memulakan pembangunan infrastruktur-infrastruktur yang baru dan juga membaiki dan menyelenggara infrastruktur-infrastruktur yang sedia ada. Misalnya, Lebuhraya Utara-Selatan yang diuruskan dan dibina oleh pihak swasta, dijangka dapat disiapkan pada keseluruhannya pada penghujung tahun 1993 ataupun awal tahun 1994, iaitu kira-kira 1 1/2 tahun lebih awal dari jadual asalnya. Begitu juga dengan kemudahan-kemudahan yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, bersabit dengan soal keselamatan jalan, Yang Berhormat Timbalan Menteri Pengangkutan sebentar tadi telah menjelaskan dengan panjang lebar tindakan yang telah diambil oleh Kerajaan. Saya suka menyambung dan mengambil kesempatan untuk menerangkan tindakan yang akan diambil oleh pihak Kerajaan yang ada

bersabit dengan physical condition, dengan izin, jalan-jalan di negara kita ini. Sebenarnya, Kerajaan memang menyediakan peruntukan khas bagi membaiki keadaan jalanraya-jalanraya di seluruh negara di bawah kerja-kerja penyenggaraan. Sebagai satu langkah untuk meningkatkan keselamatan jalanraya di kawasan-kawasan yang dianggapkan merbahaya, Kerajaan sedang melaksanakan Program Keselamatan jalanraya yang mempunyai dua komponen. Komponen yang pertama ialah projek memperelokkan...

Tuan Yang di-Pertua: Minta maaf, Yang Berhormat, bolehkah sambung pada hari Isnin?

Datuk Leo Moggie anak Irok: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, Majlis Mesyuarat ini ditangguhkan sehingga hari Isnin, 25hb Februari, pada pukul 2.30 petang.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.

